



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ADJOURNMENT TO A LATER DAY (MOTION)
[Col. 2763]

MOTIONS—

Address to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong
[Col. 2763]

Malayan Special Force for Service with the United Nations
in the Republic of Congo [Col. 2777]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 29th September, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N., Assistant Minister (Johore Tenggara).
- „ ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P., Assistant Minister (Batang Padang).
- „ TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister (Kota Star Utara).
- „ ENCHE' CHEAH THEAM SWEE, Assistant Minister (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K., Assistant Minister (Klang).
- „ ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, Assistant Minister (Jerei).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

- The Honourable TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).

The Honourable DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).

- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Dato).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of External Affairs, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
 - „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
 - the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

The Honourable the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDDIN (Kuala Pilah).

- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH (Port Dickson).
- „ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That at its rising this day the House do stand adjourned to Thursday the 1st of December, 1960.

The Minister of the Interior (Dato' Suleiman): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising this day the House do stand adjourned to Thursday the 1st of December, 1960.

MOTIONS

ADDRESS TO HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang penoh sukachita saya mengemukakan suatu usul yang berbunyi:

“Bahawa suatu utusan hendak-lah dipersembahkan kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong, mengucapkan tahniah dan pujian Dewan ini atas lantekan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong,

dan melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia; dan Dewan ini yakin bahawa dengan izin Allah, dengan lantekan Baginda itu Persekutuan Tanah Melayu akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, aman sentosa sa-lama²-nya.”

Ahli² Yang Berhormat sakalian sedia ma'alum, pada 21 haribulan September yang lepas, Duli² Yang Maha Mulia Raja² telah bersidang dan dengan persetujuan yang penoh memilih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Negeri Perlis, dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong untuk menaiki Takhta Kerajaan menjadi Yang di-Pertuan Agong, menggantikan Al-marhum Sultan Hisamuddin 'Alam Shah yang kita sayangi yang telah mangkat pada 1 haribulan September yang lepas. Oleh yang demikian, sangat²-lah sesuai dan menasabah bagi Dewan Ra'ayat yang bersidang pada hari ini menyembahkan tahniah dan pujian ahli² Dewan ini ka-bawah Duli Seri Paduka Baginda dan melafadzkan ikrar ta'at setia Ahli² Dewan Ra'ayat sakalian kepada Baginda. Dengan lantekan Baginda itu maka telah dua kali berturut² Timbalan Yang di-Pertuan Agong telah di-pilih oleh Duli² Yang Maha Mulia Raja² untuk memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan lantekan Baginda Tuanku Syed Putra itu ada-lah di-sambut oleh sakalian ra'ayat di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu dengan perasaan yang gembira.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Syed Putra ia-lah sa-orang anak Raja yang berjiwa ra'ayat kerana dari mula² Baginda telah berangkat belajar di-sabuah sekolah kampung ia-itu Sekolah Melayu di-Kangar dan kemudian-nya di-Pulau Pinang (Penang Free School) di-mana Baginda telah berchampur-gaul dengan segenap peringkat anak² sekolah, sama ada anak² pekan atau anak² kampung, kaya atau pun miskin. Dengan yang demikian, Baginda telah berpeluang dari masa persekolahan-nya untuk berdamping dengan segenap lapisan ra'ayat negeri ini dan tahu akan hal² mereka. Baginda ia-lah sa-orang yang gemar kapada sport lebeh² lagi di-dalam permainan tennis dan Baginda ia-lah sa-orang pemain yang terkemuka dalam permainan tennis itu. Baginda tidak memilih pangkat orang² yang bermain dengan Baginda itu bahkan Baginda bermain dengan siapa jua sama ada tingkat rendah atau pun tinggi. Pendek kata, Baginda ia-lah sa-orang Raja yang chukup luas pergaulan-nya dan dengan yang demikian mempunyai banyak pengalaman. Tidak shak lagi bahawa di-bawah pemerentahan Baginda itu maka dengan galakan dan chontoh yang di-beri oleh Baginda, negeri kita akan meningkat maju di-dalam segala lapangan, baik pun sport atau pun hal² lain yang boleh menyatukan ra'ayat² dalam negeri ini dan menambahkan segala kesenangan, kema'amoran dan keamanan di-dalam kalangan ra'ayat jelata dalam negeri ini.

Baginda telah memerintah negeri Perlis dari semenjak tahun 1945, dan dalam tempoh itu Baginda telah memerintah negeri itu dengan 'adil dan bijaksana dan negeri itu telah menchapai banyak kemajuan di-dalam lapangan kehidupan ra'ayat terutama di-dalam lapangan pelajaran dan kema'amoran kehidupan ra'ayat dalam negeri itu. Baginda ia-lah sa-orang Raja yang mengetahui akan kehidupan ra'ayat Baginda dan Baginda sendiri pernah bekerja saperti orang biasa, berchuchok tanam dan berniaga pada masa pemerentahan Jepun dahulu.

Baginda telah berangkat melawat luar negeri beberapa kali semenjak

Baginda menjadi Raja ia-itu ka-Eropah, ka-Jepun, ka-Hongkong dan ka-Australia, dan dengan lawatan itu Baginda telah dapat pengalaman yang luas.

Baginda telah di-pilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 14 haribulan April tahun 1960. Dan pada masa Duli Yang Maha Mulia Al-marhum Tuanku Hisamuddin sedang gering, Baginda telah menjalankan kerja Yang di-Pertuan Agong dan telah menyempurnakan tanggungan Baginda dengan chukup sempurna dan bijaksana.

Sa-bagai Perdana Menteri, saya boleh berkata bahawa jawatan Yang di-Pertuan Agong itu bukan-lah suatu jawatan yang senang atau ringan saperti yang barangkali di-sangka² oleh sa-tengah² orang. Jawatan itu mempunyai tanggung jawab yang amat berat dan Baginda terpaksa menumpukan segala masa dan tenaga Baginda untuk menunaikan kewajipan Baginda itu.

Satu perkara yang saya suka hendak menarek perhatian Dewan ini, ia-itu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra sangat-lah mengambil berat di atas semua perkara yang berlaku, baik pun perkara itu kecil atau pun perkara itu besar dan tidak-lah terlepas daripada perhatian Baginda akan sa-suatu hal yang saya sembahkan kapada Baginda itu. Dengan sebab itu, pada tiap² hari Rabu apakala saya mengadap Baginda kerana mempersembahkan perkara² yang hendak di-bahathkan di-dalam Kabinet pada hari itu, kenalah saya sendiri faham sunggo² segala apa yang terkandung dalam kertas meshuarat Kabinet, kerana Baginda hendak tahu sa-dalam²-nya, sa-luas²-nya tiap² satu perkara yang di-bawa ka-dalam meshuarat Kabinet itu. Perkara kecil sa-kali pun tidak juga terlepas daripada pandangan Baginda. Baharu² ini, Baginda telah menegor berkenaan dengan Peti Besi ia-itu Safe tempat menyimpan barang² alat kedaulatan dan kebesaran di-Raja yang di-letakkan di-bawah tangga Istana itu. Dan Baginda telah bertitah bahawa tidak-lah menasabah Peti Besi itu di-letakkan di-situ kerana orang² lalu naik dan turun di-tangga itu melangkah

barang² kebesaran itu. Dan Peti Besi itu telah terletak di-situ sa-lama²-nya yang saya tahu, dan saya sendiri pun baharu tahu kata-nya, barang² ke-daulatan itu di-simpan di-bawah tangga. Sa-benar-nya, tidak patut langsung bagi tempat simpanan itu di-tempatkan di-tempat orang² lalu lalang. Dan ini-lah saya chuma hendak memberi chontoh kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian bagaimana berat-nya pandangan Baginda itu di-atas satu² perkara yang berlaku di-sini. Itu-lah keadaan Raja yang memerintah negeri kita pada hari ini.

Kita juga bertuah kerana mendapat Tuanku Permaisuri Agong yang chukup mengambil berat dalam hal² kerja masyarakat. Tuanku Raja Permaisuri Agong ia-lah sa-orang Puteri Raja dari Kelantan dan sangat terkenal kerana sikap-nya yang suka beramah-tamah dan berchampur-gaul dalam segala gerak-geri, terutama-nya dalam bahagian pergerakan wanita². Baginda ada-lah menjadi President Women Institute di-Malaya dan sekarang ini sudah-lah berbangkit satu masalaah atas kedudukan Baginda itu. Sa-bagai Permaisuri Agong, Baginda tentu-lah menjadi Penaung kepada perkumpulan itu sa-bagaimana yang telah di-tentukan. Jadi ahli² wanita bersetuju juga Baginda ini menjadi President-nya. Jadi ini telah pun bertentangan dengan peratoran kita ini. Dalam hal ini, kita biarkan-lah bagi suku² orang perempuan sahaja untuk menyelesaikan-nya, tetapi susah hati sampai hari ini belum dapat di-selesaikan. Dalam pada itu, Baginda juga sangat chergas di-dalam gerakan Pengakap dan telah berangkat ka-Australia sa-bagai sa-orang Pengakap. Kerana jasa² Baginda yang chemerlang itu, maka Baginda telah di-kurniakan bintang "Darjah Utama Seri Maharaja Mangku Negara" oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama dalam tahun 1959. Baginda-lah sa-orang sahaja perempuan yang menerima bintang yang tinggi itu kerana jasa-nya sendiri. Maka, sa-bagai Permaisuri Agong, saya perchaya Baginda akan dapat membantu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memimpin kita sakalian ka-arrah kebahagiaan. Pendek-

kata, kita amat-lah bertuah mendapat Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang ada sekarang ini kerana dengan sifat lemah-lembut lagi bijaksana kedua² Baginda itu dapat-lah ra'ayat negeri ini berpandukan kepada pimpinan yang sejahtera.

Sa-bagai penutup-nya, saya mengambil peluang untuk melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuanku Raja Permaisuri Agong di-atas lantekan-nya kepada jawatan yang tinggi dan yang mulia itu. Saya berdo'a Kahadzrat Allah Subhanahu Wata'ala moga² di-kurniakan Baginda kedua dengan segala kebesaran dan di-lanjutkan usia Baginda² itu di-dalam sehat wal'afiat untuk memerintah dan memimpin kita sakalian. Saya juga berdo'a, moga² dalam masa pemerentahan Baginda kedua itu negeri kita akan bertambah ma'amor, aman sentosa untuk salama²-nya (*Tepok*).

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu ada-lah menyertai dan menyokong dengan kuat-nya usul Yang Teramat Mulia Perdana Menteri. Sa-sungguh-nya sudah sa-layak-nya-lah Rumah ini dan wakil² ra'ayat menguchapkan tahniah dan menyetujui usul yang telah di-majukan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita. Saya sangat-lah bershukor dan menguchapkan tahniah atas lantekan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail dan Permaisuri Agong-nya. Bahawa Duli Yang Maha Mulia ini, apa yang telah di-lapadzkan oleh Perdana Menteri tadi telah menjadi pengetahuan umum negeri ini.

Sa-perkara lagi, saya suka menyebutkan di-sini manakala kita memandang negeri Perlis bahawa dalam chara bentok Jabatan² Ugama negeri itu ada-lah merupakan satu langkah yang sesuai dengan perkembangan baharu negeri kita ini yang di-jalankan; walau pun negeri itu kecil tetapi merupakan chontoh² perjalanan ugama yang lebeh chemerlang dan kuat pada menjalankan dan menegakkan hukum Alkor'an dan Sunah-nya. Dan selalu-lah kita dengar

bagaimana pehak Ulama di-sana menegakkan fahaman²-nya hendak mem-bersehhkan kekolotan² di-dalam ugama maka timbul-lah chara², fahaman² baharu di-sana. Ini ada-lah menunjokkan kesedaran dan ka-tinggian himah Duli Yang Maha Mulia di-dalam Islam.

Saya berharap dengan lantekan Duli Yang Maha Mulia menjadi Yang di-Pertuan Agong bertambah² chahaya dan bertambah² maju-lah lagi perkembangan ugama rasmi kita—Islam ini di-Persekutuan Tanah Melayu. Dan menda-kan sa-panjang umur-nya, ma'amor dan penoh dengan keadilan di-dalam pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menguchapkan setinggi² tahniah kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong, yang mana memang telah kena betul² pada tempat-nya menjadi raja kita pada hari ini yang telah di-lantek atau pun di-pilih dengan bijaksana oleh Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu. Ada-lah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ini sepanjang pengetahuan saya ia-lah sa-orang raja yang betul² berhati ra'ayat dan kaseh sayang kepada ra'ayat, kerana sesungguhnya saya juga telah kenal biasa baik dengan Duli Yang Maha Mulia ini dan juga Raja Permaisuri Agong.

Saya suka menyatakan di-sini—di-Rumah yang berhormat dan mulia ini di-mana pada satu masa dalam tahun 1958 saya telah pergi ka-Perlis kerana menguruskan kerja College Tunku Ampuan Mariam dan saya mohon meminta menghadap Duli Yang Maha Mulia itu. Baginda telah berpesan kepada isteri-nya, Raja Perempuan, kalau Ibu Zain datang—talipon sahaja. Apabila saya sampai ka-istana saya terchengang dan hairan melihat-nya apabila talipon sahaja kepada Duli Yang Maha Mulia oleh Raja Perempuan, tiba² Baginda sampai dengan bicycle! dengan menonggang bicycle Baginda dan dengan serta merta menyambut saya dengan chukop ramah dan mesra saolah² saya ini sa-orang

ibu keluarga-nya sendiri. Alang-kah bertuah-nya kita beroleh Yang di-Pertuan Agong saperti ini—t a n d a gilang-gemilang pada masa yang akan datang, dan bagitu juga Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong kita.

Dalam tahun 1954 saya ingat pada masa itu jawatan Ketua Kaum Ibu, UMNO Malaya kosong, kerana di-masa itu saya telah jatuh sakit, dan apabila rombongan Kaum Ibu menghadap Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan memohon supaya sudi Baginda menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya maka Baginda itu sanggop dan telah memangku jawatan itu selama 3 bulan. Kemudian apabila di-rasa-nya sukar sebab ia menjadi Raja Perempuan yang hendak melayan ra'ayat, maka ia telah meletakan jawatan itu dengan hormat-nya. Bagitu-lah sedia-nya Raja Permaisuri Agong kita ini dalam perkhidmatan untuk bangsa dan Negara.

Selain daripada menjadi Pengakap—Girl Guides dan lain² anjoran Baginda juga telah menyahut seruan Persekutuan Guru² Perempuan Melayu, negeri Johor apabila seruan itu di-buat untuk mengisi derma pelajaran tinggi anak² perempuan Melayu Semenanjung dalam tahun 1946 Baginda-lah Raja Perempuan yang kedua menjawab seruan itu dan telah mengisikan tabong derma itu.

Saya memendekkan ucapan tahniah saya kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan juga Raja Permaisuri Agong dengan sa-patah pantuan—

Tun Fatimah anak Bendahara
Raja perempuan Negeri Melaka
Ramah tamah tulus mesra
Memandu ra'ayat mengisi Merdeka.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya atas nama Front Socialist Ra'ayat Malaya turut menyertai dengan sepenoh²-nya ucapan tahniah yang telah di-lafadzkan oleh Perdana Menteri kita tadi. Banyak pujian² yang di-berikan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya rasa ini tak perlu bagi saya mengulangi lagi, chuma pernyataan atau perlantekan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini menurut anggapan saya sesuai dengan

apa yang di-sharatkan dalam Perlem-bagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Baginda telah di-lantek dalam persi-dangan Raja² Melayu maka pilehan Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu sudah tentu di-sambut oleh ra'ayat negeri ini dengan penoh kegirangan.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I rise to associate myself and the other members of the P.P.P. group sitting in this House completely with all the remarks made by the Honourable mover of this motion and the other speakers of this House. Mr. Speaker, Sir, we take this opportunity of re-assuring Their Majesties of our undivided loyalty to Their Majesties. In the past, the monarchs of this country have set a glorious tradition based on justice, mercy, fairness and the upholding of the principles of the Constitution of our country, and the people of Malaya today are assured that in Their Majesties we have as Heads of our country persons who will undoubtedly follow this glorious tradition set down by their predecessors. Mr. Speaker, Sir, I once again associate on behalf of the People's Progressive Party ourselves completely with all the remarks made in this House.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa shukor Kahadzrat Allah Subhanahu Wata'ala atas lantekan Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail dengan mendapat sokongan dan bantuan yang akan memberi kekuatan yang sangat kuat kepada Duli Yang Maha Mulia itu ia-itu kepada Raja Permaisuri Agong yang ada sekarang ini. Memang sa-bagaimana yang kita ketahui dan sa-bagaimana ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang baharu ini ada-lah satu pelupor wanita Tanah Melayu ini yang memberi dorongan kepada wanita², dan sa-bagai sa-orang keturunan di-raja untuk memberi semangat yang kuat kepada wanita² di-kampung baik di-lapangan kemasharakatan mahu pun di-lapangan anak² puteri kita itu dalam lapangan

social, tetapi sayang sedikit tadi ucapan Yang Berhormat wakil dari Pontian Selatan yang telah mengatakan bahawa pada tahun 1954 Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong ini ada menjawat jawatan sa-bagai Pemangku Ketua Agong Kaum Ibu, UMNO Malaya. Maka di-sini sa-betulnya tidak benar, kerana saya sendiri sa-bagai ketua rumbongan telah mengadap ka-bawah Duli Yang Maha Mulia itu meminta supaya Baginda mahu menjawat jawatan Ketua Kaum Ibu, UMNO Malaya, tetapi Duli Yang Maha Mulia itu mula² minta di-tang-gohkan—berfikir lagi, kerana ma'alum, Tuan Yang di-Pertua, memang sa-bagai sa-orang Permaisuri Raja beliau itu tidak boleh memasoki parti politik, sebab Duli Yang Maha Mulia itu mesti berdiri sa-bagai sa-orang yang neutral—sa-bagai mengawasi ra'ayat di-bawahnya. Oleh sebab itu, beliau telah memberi tahu bahawa Baginda tidak sanggup menerima jawatan yang memang di-sembahkan kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia itu dahulu untuk menerima-nya.

Maka kosong-lah tempat Yang di-Pertua, Kaum Ibu UMNO Malaya itu—tidak ada Yang di-Pertua, Kaum Ibu UMNO Malaya pada ketika itu, dan saya sendiri ada-lah sa-bagai Setia-Usaha Hal Ehwal Kaum Ibu UMNO seluruh Tanah Melayu. Jadi memang kita sangat menghargai kegiatan dan dorongan semangat dari Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong sa-bagaimana kata Yang Berhormat Perdana Menteri tadi sekarang Baginda sa-bagai Ketua Women Institute, dan menurut pendapat kita atau Yang Berhormat Perdana Menteri hanya akan di-jadikan sa-bagai Penaung sahaja.

Pada pendapat saya juga ada-lah sademikian, kerana Baginda sa-bagai Raja Permaisuri Agong hendak-lah menjadi sa-bagai *payong* seluruh ra'ayat Tanah Melayu, kerana kalau sakira-nya memegang sa-suatu jawatan dalam sa-suatu parti, maka tentu parti yang ada mempunyai anggota wanita di-tempat itu nanti tidak akan merasa bagitu sedap. Oleh sebab itu, saya memohon di-sini memang sa-bagus-nya-lah pendapat Yang Berhormat Perdana Menteri tadi elok-lah beliau itu sa-bagai

payong—Penaung dalam Women Institute dan tidak-lah sa-bagai President.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Speaker, Sir, speaking for myself and my two independent colleagues, we fully support the move to warmly congratulate His Majesty on his election to the office of the Yang di-Pertuan Agong. We fully associate ourselves with the compliments paid in this House to His Majesty for His services to this country, and we no doubt feel confident that this country, during His Majesty's term of office, will enjoy ever-increasing prosperity and enduring peace.

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. Speaker, Sir, may I take the opportunity of associating myself with the eloquently-phrased speech which my Honourable friend the Prime Minister has just made and with the eloquently expressed sentiments of the previous speakers? I shall have the privilege of moving another resolution elsewhere to-morrow. In the meantime, I would wish His Majesty and His Gracious Consort a prosperous and happy reign. I have no doubt that the love which His Majesty's subjects bear him in Perlis will now be reflected by all Malaysians. As one of His Majesty's Ministers, I pledge to him my personal and absolute loyalty.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr. Speaker, Sir, normally when the Prime Minister speaks, he speaks for the party in power and for the Government Bench, but there are occasions when some of us like to express our own sentiments and this is one of those occasions. I would like to associate myself with the very warm support of the whole House, and add on to it the fact that there will be a prayer on the lips of everyone that this reign which His Majesty has begun, will be a reign and an era of peace and prosperity and of goodwill amongst all the races in this country.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di-atas usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, dan segala

uchapan-nya dalam Dewan ini pada keseluruhan-nya telah memberi sa-penoh pujian kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, yang telah di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Agong Yang Ketiga, bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka ini oleh Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu yang bersidang pada 21 haribulan September, 1960. Daripada segala pujian dan ucapan tahniah itu bukanlah sahaja terhadap diri Baginda dan keluarga-nya yang merasa shukur dan bangga bahkan lebeh² lagi seluroh ra'ayat negeri Perlis khas-nya atau yang bergelar "indera kayangan" ada-lah sangat² berasa megah dan bangga dengan perasaan riang dan gembira yang tidak ada tolok banding-nya.

Di-masa yang lampau, Perlis terkenal sa-bagai sa-buah bumi yang hijau dengan daun² padi-nya, tetapi sekarang, apabila Duli Yang Maha Mulia itu di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Agong, negeri Perlis tentu-lah merasa megah dan bangga, kerana nama-nya membawa pandangan yang baik bagi seluroh negeri ini.

Saya, sa-bagai ra'ayat Baginda berdiri dalam Dewan ini dengan perasaan penoh shukur dan ta'at melafadzkan ucapan sa-tinggi tahniah kepada Baginda yang telah di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Agong. Di-harap, samoga dalam pemerentahan Baginda akan bertambah² aman, damai dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana yang penoh riang dan gembira di-atas lantekan Baginda itu walau pun pada keseluruhan-nya warga negara Persekutuan Tanah Melayu menjunjong tinggi, tetapi, pada batin-nya ra'ayat negeri Perlis dan Kerajaan-nya, tidak ubah seperti anak kehilangan bapa, kerana Baginda sentiasa dan tidak jemu memberi nasihat dan menerima nasihat mengikut perkembangan sistem pemerintah demokrasi.

Ra'ayat negeri Perlis berharap, samoga pengganti atau Juma'ah Pemangku Baginda itu sudi memberi kerja-sama dengan ra'ayat jelata khas-nya, dan mengikut jejak langkah seperti yang di-chontohi oleh Baginda itu. Itu-lah

harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Dato' Yang di-Pertua, saya dan bagi pehak Kaum Ibu sekalian suka menyampaikan ucapan ta'at setia dan menyokong atas chadangan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri untuk mempersembahkan ucapan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong. Dan di-sini saya juga menarik perhatian kepada Kerajaan ia-itu meminta supaya memberi kelonggaran atau kebebasan sedikit, terutama kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, tujuan saya ia-lah memberi kebebasan yang tertentu itu untuk menjaga kesihatan Baginda sa-bagaimana yang kita ketahui, Baginda itu suka atau kesukaan-nya ia-lah menanam bunga² oket dan sa-bagai-nya. Dengan kita memberi peluang itu tentu-lah menjadi hiburan kepada Baginda, tanggung jawab Baginda amat-lah berat, dari itu kehendak saya memberi peluang kebebasan yang di-tentukan kepada Baginda itu supaya dapat memandu Kaum² Ibu yang di-katakan sa-bagai Tiang Negara, terutama sama-masa ini dalam pembangunan Negara kita ini di-kehendakki oleh Kaum Ibu Negeri ini sa-bagai penangung mereka, kebebasan ini tentu-lah di-beri oleh Kerajaan dengan di-sharatkan mengikut kehendak dan peratoran yang telah Kerajaan adakan.

Kehendak tujuan saya ini, saya fikir tidak akan menjadi keburukkan pemerentahan kelak bahkan tentu-lah Kerajaan memerhati dan mengator atau pun memberi kebenaran yang sesuai kepada Baginda itu seperti menjadi penangung dan sa-bagai-nya pada pertubuhan kebajikan kebangsaan. Mudah²an dengan chara ini ada-lah menjadi semangat dan galakan Kaum² Ibu diseluruh Persekutuan Tanah Melayu yang mana Kaum Ibu sa-bahagian daripada Ra'ayat Negeri ini yang juga bertanggung jawab terhadap Negeri ini sa-bagaimana yang kita ketahui didalam pembangunan Negara sudah tentu-lah berkehendakkan galakan daripada pemimpin² dan pembesar Negara-nya.

Saya menyokong penoh segala ucapan pujian yang di-tujukan terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-bagaimana yang di-ucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, terima kasih.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr. Speaker, Sir, while supporting this motion, I wish to associate myself and the people of Bagan with all the sentiments expressed by the previous speakers. Sir, His Majesty's subjects in Bagan take a special pride in the fact that His Majesty was, as a boy, resident in Butterworth, and we humbly hope that the memory of his childhood is still with him. While we take a special pride to pledge our loyalty to His Majesty and Her Majesty the Raja Permaisuri Agong, we hope that His Gracious Majesty with the Raja Permaisuri Agong would one day tread on the soil that His Majesty had trod during those happy, care-free, days of his childhood.

The Prime Minister: Tuan Speaker, nampak-nya tidak ada apa² yang hendak saya jawabkan di-atas apa yang telah di-bahathkan tadi, chuma saya ucapkan berbilang terima kasih di-atas ucapan tahniah yang telah diberikan oleh semua pehak dalam Rumah ini. Dan satu perkara yang baharu di-bangkitkan tadi berhubung dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil Dungun berkenaan dengan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong sa-bagai Ketua Women Institute. Jadi saya akan persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia itu apa yang telah di-sebutkan-nya itu.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That a Humble Address be presented to His Majesty Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong—

To warmly congratulate His Majesty on his election to the office of the Yang di-Pertuan Agong;

To express to His Majesty the loyal devotion of this House and its fervent hope that by the grace of God, the Federation of Malaya will, during His Majesty's term of office, enjoy ever-increasing prosperity and enduring peace.

MALAYAN SPECIAL FORCE FOR SERVICE WITH THE UNITED NATIONS IN THE REPUBLIC OF THE CONGO

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, I rise to address myself to the motion standing in my name.

This meeting of Parliament has been called as a matter of extreme urgency in order to acquaint Honourable Members with developments in the Congo where our troops will be sent in response to a United Nations request for armed assistance to maintain law and order in that country. This meeting would not have been called had it not been for the fact that the situation there has taken a turn for the worse. It is only right, therefore, for me to present to Members of Parliament the picture of the situation as I see it, or as I see how it might develop.

It is at the moment a "cold war" which might eventually or easily turn into something more serious, even possibly a second Korea (which God forbid!). In view of Russia's interest in the affairs of the Congo anything might happen. For some countries, as a result of Russian influence, had thought fit to withdraw their forces from this area, leaving those forces only which are determined to discharge their obligations to the United Nations, intent on keeping peace and order in that territory.

Added to these forces will be the Malayan Contingent. We are determined to carry out the task we have undertaken. We have made a promise to help maintain law and order under the Charter of the United Nations, and will do all in our power to fulfil this promise. Our men will be leaving in the "Wyndham County" and the "Whitfield County"—the two ships loaned to the United Nations—on Tuesday, 4th October.

You may wonder, in view of the fact that the troops will be leaving in the course of the next few days, why Parliament has been called only today. In fact the power to send troops lies with the Supreme Commander of the Armed Forces, Federation of Malaya,

who is His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, as provided under Article 41 of the Constitution. The approval of the Yang di-Pertuan Agong has been duly obtained, as well as his blessing, and for that reason we had not thought it necessary earlier on to bring up this matter to Parliament.

Again there is an Article in the United Nations Charter, with particular reference to Article 43 (1), to which we subscribe and which provides that we should make available to the United Nations Security Council such armed forces as might be mutually agreed upon from time to time for the maintenance of international peace and security.

Our troops are proud that their services have been called upon, and they are very keen to come to grips with the tasks allotted to them. It is a great responsibility, and they are deeply conscious of it. They are happy to play their part for the honour of Malaya and for the cause of world peace, and they are fully aware of what is asked and expected of them. Despite the elements of danger, they are nevertheless eager and determined to go. If Parliament should decide, in view of the fact that certain countries have withdrawn their troops, that they should not go, then it would be a very great disappointment to them, and they would regard it as a moral setback, and this would be a sad blow to their prestige and to the prestige of this country.

Assuming after they have gone—and it will take some four weeks for them to get there—that the situation should worsen, and that we should find it necessary to send further reinforcements, I wish to assure this House that I will come to Parliament to explain the new development and will seek your opinion of the course we should take. We in Malaya cannot do what certain other countries have been doing—that is, doing one thing one day and another thing the next day—for, some of these countries were the first to offer to go to the Congo, knowing full well the situation in that territory, and the task allotted to them by the United Nations, and the

next moment, without rhyme or reason, without any change in either the general setup or the Command they are ready to pull out. We cannot understand the motives behind such moves when as far as we know there has been no material change in the Command or the setup, and the direction and situation in the Congo from the United Nations' standpoint is not unexpected—as I said earlier, nothing has changed materially. It is a situation, as I said, which might get worse or might get better. That was only to be expected, and it is only for that reason that we have agreed to send our forces.

On the other hand, assuming that the situation in the Congo had changed materially from what we were told to expect or, that developments in the United Nations did not mean a loss of confidence in the Secretary-General, or that Russia by the turn of events was in command of the situation and playing an active role, with that changed situation no longer under the control of the United Nations, or in other words that the Command had materially changed from what we had agreed to accept, then our troops would not have been sent.

But nothing, as I said, has changed materially in the Congo from the United Nations' point of view, the need to maintain law and order still exists, even more strongly now than before, and the situation which originally arose still continues. I personally feel that if changes do occur and if further help is needed from us then we should send it. I am determined, and I can assure Honourable Members, that the Malayan Special Force will not be withdrawn, certainly not at a whim of certain people unless our help is no longer required.

It is, of course, lawful for, and indeed the duty of, the Cabinet in accordance with Article 40 of the Constitution to advise His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, as Supreme Commander of the Armed Forces of the Federation of Malaya, to deploy such of those forces as may be necessary for the defence of the country or for the fulfilment of the country's

obligations under any international treaty or agreement to which it is a party. Such deployment may, under the provisions of the Federal law governing the regular Armed Forces, require the latter to serve beyond the seas at any time. And that is exactly what we have done.

This is the first time that Malayan forces are being sent overseas, and, apart from the useful services they will be rendering, I am convinced that they will uphold the good name of the Federation in the discharge of their duties. They will adhere strictly to instructions to maintain peace and order, and they will not get involved in any outbreak of hostilities between the warring political parties. They will be there to preserve life and property, and to this end they will go about their duties and conduct themselves without fear or favour.

Our only prayer is that those countries which have not actively supported the United Nations action will not interfere in other ways with the affairs of the Congo. At the last Emergency session of the General Assembly of the United Nations, a resolution was adopted in which it was decided that no outside assistance to the Congo should be sent, other than assistance requested by or through the United Nations. If the member countries respect this resolution, then I visualise no trouble beyond skirmishes by opposing parties in the Congo. On the other hand, if Russia decides to send aid directly to the warring factions then something serious might occur, in which case our troops will be ready to fight in order to uphold the resolution of the United Nations if called upon to do so.

We hope, however, that this will never happen, and that all that is needed of our troops and of other forces will be to preserve law and order until the situation has cleared up sufficiently for a properly constituted Government to be formed, and the Congo is once again running with normality and success. If the services of the Malayan troops are required beyond six months, then a replacement contingent will be sent in stages.

The organic transport of each unit of the Malayan Special Force is being taken to enable the Force to operate as a whole. Signals, Medical, Supply, Ordnance, Workshop and Pay Services are fully represented in the Force. The Force will be accompanied by an Imam, two members of the Malayan Film Unit and by a representative of Radio Malaya. Sufficient rations are being taken to enable the Force to be self-supporting for 90 days, and these will cater for the requirements of each race represented in the Force.

I wish to take this opportunity to appraise Honourable Members of the Federation Government's policy in regard to the newly emerging sovereign states of Africa, south of the Sahara, in general. The year 1960 is perhaps in modern times the most auspicious year for Africa, for it is in this year that we are privileged to witness the emergence from the bonds of colonialism of seventeen sovereign independent nations.

Beginning on the 1st January, we witnessed the emergence to nationhood of the Republic of the Cameroon followed in April by the emergence of the Republic of Togoland, and in June and July of the Mali Federation, the Republic of Malagasy, the Republic of the Congo, and the Somalia Federation. August saw the birth of no less than eight African sovereign nations—the Republics of Dahomey, Niger, Upper Volta, Ivory Coast, Chad, Central Africa, Congo and Gabon.

We have therefore, to the present time, witnessed the emergence of fourteen newly born African States. I should really say 15 new African States for the Federation of Mali which obtained its independence on 20th June of this year has recently been dissolved, leaving the independent Republic of Senegal, and the Republic of Mali which in previous times used to be Soudan. We have watched with joy the advance to nationhood of these African countries and we have followed with interest their affairs.

Very soon yet another two States, the Islamic Republic of Mauritania and the Federation of Nigeria will

come into being and this will add to the growing number of sovereign African nations. We in Malaya have more in common with the Federation of Nigeria than we have with the other recently emerged African States. The Federation of Nigeria is the only Commonwealth representative in the 17 nations gaining independence this year and we take great pleasure in welcoming the Federation of Nigeria into the Commonwealth, and as an expression of our goodwill and friendship my colleague the Hon'ble the Deputy Prime Minister is today in Lagos to celebrate with our friends the Nigerians the greatest day in their history (*Applause*). We hope and pray that the Federation of Nigeria and the other recently independent nations of Africa will continue to progress in peace and harmony and take their rightful places in the world society of free and independent nations.

We firmly believe in the right of all people to be free and independent and we have expressed ourselves in no uncertain terms in advance of our faith in the right of small nations to live their own lives. We have consistently taken an uncompromising stand on every question connected with the freedom and independence of subject peoples. Having achieved our own independence, we wish to play our part in helping other dependent peoples to be free. As a loyal member of the United Nations, the Federation Government fully subscribed to the basic objectives of the trusteeship system and the Federation's Delegation expressed our satisfaction in the United Nations last year at the approaching fulfilment of these objectives in the then trust territory of the Cameroons, and strongly advocated that the territory be granted independence on 1st January this year.

In the case of Ruanda-Urundi, a trust territory under Belgian administration, the Federation's delegation to the last session of the General Assembly expressed grave misgivings at the slow progress which is being made in that territory, and we called upon the Administering Authority to exercise greater effort and energy to

carry forward the development of this territory in line with developments in other territories. We stated then that the disturbances in the territory last year indicated that there was considerable dissatisfaction among the people of Ruanda-Urundi.

This apprehension is now more real than ever. The Belgian Government's failure to prepare the Congo for independence is a serious indictment against them. The full implications of this neglect will be evident to Hon'ble Members, when I deal in greater detail with the Congo crisis in due course. The Federation Government now feels that it is imperative that all steps should be taken to prevent the possibility of Ruanda-Urundi going the way of the Congo.

The Federation Government sincerely hopes that all Administering Authorities of Trust Territories and all colonial nations will study closely the consequences of neglect, insofar as these concern the legal and moral duties of a metropolitan power to prepare subject peoples for the assumption, in the shortest possible time, of the responsibility of governing themselves. The failure of Belgium to carry out her responsibilities in the Congo has led to this present crisis and has shifted the great burden of maintaining law and order on the United Nations Organisation, and added to this burden is the Russian attempt to exploit the situation.

I ask Honourable Members to forgive me if I have digressed a little, but I have attempted to put across to you the Federation Government's deep interest in the development of the until-recently subject peoples of Africa, south of the Sahara.

A few days ago, on 21st September, the Federation's delegation to the 15th Session of the General Assembly joined other member nations in admitting by acclamation all the African States which had achieved independence so far this year with the exception of the Federation of Mali, which is now defunct having in its place the Republics of Senegal and Mali which I have mentioned earlier. These two States are expected to be admitted

shortly, as also are the Federation of Nigeria and the Islamic Republic of Mauritania when they are declared independent. The Federation of Malaya welcomes with the sincerest joy the admission of these sovereign states to the United Nations and hopes in the keenest anticipation that they will participate actively in the work of the world organisation in which we have placed so much of our faith. The Federation Government is convinced that Africa would do best not to allow herself to be dragged into the cold war now waged by the power blocs, and therefore prays that wisdom will prevail amongst the new African leaders.

We should make every endeavour to read into the intentions of all the big powers so that we will not be made pawns in this international game. Let us not be beguiled by the veneer of friendship like that offered by the communists when their declared aim is to gain the control of the world and place it under a system which we abhor—a system where there are no personal freedom and democracy as we here understand them. Let us not be deceived into a state of myopia by such a sweet nothing as peaceful co-existence when events have proved that such a state of mind was the necessary pre-condition for easy subversion or the undermining of authority and integrity of the victim nations. In the communist book peaceful co-existence is a fraud designed to reduce into a state of non-existence those trapped victims.

Yang kedua, Kerajaan di-minta memberi jaminan. Yang sa-benar-nya, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini mempunyai wakil mutlak istimewa yang memang mengambil bahagian tetap di-dalam Perbahathan Bangsa² Bersatu—dan juga telah pun mengambil kesimpulan di-sana; ini berma'ana, Kerajaan kita dengan Kerajaan² yang ada di-dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu yang ka-82 buah negeri itu dan baharu² ini 14 buah negeri lagi telah masuk, yang jumlah-nya hampir² 100, telah mengaku ia-itu mana² negeri yang akan menyumbangkan tenaga tenteranya tidak di-gunakan untuk mengganggu soal rumah tangga dan soal kedaulatan (sovereign) Republic Congo yang baharu di-istiharkan merdeka itu, kerana ini bertentangan dengan Charter Pertubohan Bangsa² Bersatu. Nampak-nya pindaan ini, kalau bagini keadaan-nya, lagi baik tentera itu jangan di-hantar, tetapi kita hendak menghantar-nya. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan tadi, negeri India

yang besar itu menghantar tentera-nya lebih kurang 1,000 orang. Indonesia yang penduduk-nya 80 juta itu menghantar 1,000 orang, kita, Tanah Melayu yang penduduk-nya 6½ juta hendak hantar 613 orang! Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat itu di-dalam Dewan yang terhormat ini, dalam soal Pertubohan Bangsa² Bersatu tidak mengira berapa juta ra'ayat sa-sabua negeri itu, tetapi, hak sama. Oleh itu, kita rasa Kerajaan dan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini telah termakan budi, dan menguchapkan terima kasih kepada askar luar negeri seperti askar² Rhodesia, Kenya, dan lain² negeri Commonwealth yang telah menyumbangkan tenaga-nya waktu kita berjuang sa-lama 12 tahun menentang pengganas². Shukor Alham dulil-lah! kita telah menang di-dalam perjuangan. Ada-kah kita ra'ayat Tanah Melayu ini tidak insaf waktu ada kesusahan walau pun di-Afrika atau di-seluruh dunia? Kita masok menjadi ahli Pertubohan Bangsa² Bersatu, ber-setuju mahu menchari damai, ber-setuju mahu menchari kema'amoran. Negeri kita baharu tiga tahun merdeka telah dapat menghapuskan dharurat, jadi sa-bagai sa-buah negeri yang muda, yang penduduk-nya 6½ juta lebih, yang 60 peratus daripada-nya orang muda yang berumur 25 tahun ka-bawah, kita berasa sombong menyumbangkan askar yang 613 orang ini, jika di-minta lagi kita akan timbang dan fikirkan sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri tadi ia-itu mengikut bagaimana keadaan di-Congo itu.

Berkenaan dengan soal bilangan dan meminta pengakuan itu, saya fikir chukup-lah sa-bagaimana yang terkandung dalam Kertas 43 ini, kerana kita telah menjadi ahli Bangsa² Bersatu yang menyokong tegoh dasar² perdamaian dan menchari kesimpulan itu dengan lain² bangsa dan negeri di-dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu.

Ini-lah sahaja, saya tidak memanjangkan cherita, kerana kita membahathkan atas pindaan sahaja, terima kasih.

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak

mengikuti dan memahami tujuan dan maksud daripada usul pindaan ini. Sebab-nya, askar² atau pun pasokan bersenjata yang kita akan hantar ka-Congo itu ada-lah akan di-arahkan dan akan bergerak mengikut kehendak dan ketentuan² yang di-buat oleh United Nations. Ahli Yang Berhormat itu bimbang: ia berkehendakkan supaya di-beri jaminan yang pasokan Persekutuan itu tidak akan di-gunakan bagi muslihat satu² bloc. Maka pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak ada mempunyai alasan, sebab pasokan bersenjata itu, baik daripada Persekutuan atau lain² negeri yang berchampur di-Republic Congo itu ada-lah di-bawah arahan United Nations. Dan sa-lama ini gerakan United Nations di-Republic Congo telah di-aku² dan di-sahkan oleh United Nations, dan tidak pernah pasokan bersenjata dan pegawai² United Nations yang ada di-Congo itu mengambil satu² tindakan atau langkah menyebelah mana² bloc atau mana² kumpulan yang bertelengkah sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut itu.

Chontoh yang di-sebutkan untuk menguatkan usul pindaan-nya itu ia-lah dengan menyebutkan ada dua buah Kerajaan yang telah menarek balek pasokan²-nya daripada Congo. Saya di-sini tidak hendak mengulas, sebab-nya satu² Kerajaan itu menarek balek askar-nya daripada Congo, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, negeri² yang menghantar pasokan bersenjata-nya ka-Congo untuk memulehkan keamanan dan ketenteraman bukan dua buah negeri ini sahaja, tetapi maseh banyak lagi yang mengekal dan menetapkan pasokan bersenjata-nya di-sana. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa buah negeri yang maseh lagi menetapkan askar-nya di-sana itu seperti Ethiopia, Ireland, Libria, Mali, Morocco, Sudan, Tunisia dan Indonesia. Oleh itu saya hairan bagaimana Ahli Yang Berhormat itu hendak berpandu kepada keputusan dua buah negeri itu dan melupakan negeri² yang lain yang maseh mempunyai askar-nya di-Republic Congo dengan kehendak Pertubohan Bangsa² Bersatu itu.

Lagi satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-itu berkenaan dengan soal

bilangan yang hendak di-hantarkan di-sana itu. Saya fikir kalau tujuan hendak mengurangkan bilangan ini semata² kerana kita hendak mengurangkan kerugian sa-kira-nya berlaku apa² maka kita di-sini mempunyai anggapan bahawa kerugian itu tidak boleh di-kira hatta sa-orang pun kita sayang. Kalau kita sudah sanggup hendak menghantar 250 orang sa-bagaimana yang di-usulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Besut itu tidak ada berbeza-nya kerana harga nyawa itu sama ada satu atau banyak tidak-lah dapat kita perkechilkan. Jadi, semolek-nya, Ahli Yang Berhormat itu membawa usul menhadangkan supaya Tanah Melayu ini jangan menghantarkan sa-barang pasokan bersenjata ka-sana sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Bangsa² Bersatu, daripada mengurangkan bilangan-nya itu. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan dan ma'luman kepada Ahli Yang Berhormat daripada Besut, ia-itu sa-hingga hari ini Kerajaan Ghana belum lagi menarek pasokan bersenjata-nya daripada Republic Congo.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, ada dua orang dari pehak Kerajaan menolak pindaan ini, maka lahir-lah beberapa hujah² yang sa-benar-nya menyokong usul ini. Kata sa-orang dari Menteri Yang Berhormat, apa yang di-kehendaki di-dalam usul ini, sudah ada di-dalam tujuan dan perjalanan sa-perti yang di-kemukakan di-dalam Cmd. Paper 43 ini. Kalau sudah ada, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah yang hendak di-bangkang? Apa-kah sebab-nya maka hendak membangkang suatu usul yang menghendaki supaya di-nyatakan dengan terang²-nya bahawa kita menghantar tentera kita ini dengan satu pendirian supaya tidak-lah tentera kita itu digunakan bagi maksud yang lain daripada menjaga ketenteraman dan keamanan serta perjalanan Undang² di-negeri Congo dengan tidak mencherobohi hak Republic Congo itu. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengemukakan supaya jangan terlibat tentera kita ini di-dalam sebarang pertarungan di-antara peperangan dingin yang di-lakukan dan di-tolak dari belakang itu oleh kuasa² Barat

dan block Russia apa-kah salah-nya ini kita sebutkan sa-bagai menjokkan yang Persekutuan Tanah Melayu ini tidak-lah sa-buah Kerajaan yang menghantarkan anak² yang di-kasehi-nya kepada sa-buah negeri dengan tidak pun menyatakan untuk tujuan apa yang mereka ini di-hantar. Agak-nya Menteri Muda dan Menteri Pengangkutan tidak membaca Charter of the United Nations yang ada di-sini. Kalau kita baca, Tuan Yang di-Pertua, Article 43 neschaya jelas kepada kedua Menteri ini bahawa di-dalam paragraph 2:

"Such agreement or agreements shall govern the numbers and types of forces, their degree of readiness and general location,"

"degree of readiness" bagi tentera Persekutuan Tanah Melayu ia-lah sa-takat tidak di-gunakan tentera ini bagi sa-suatu maksud yang mungkin mencherobohi hak kedaulatan Republic Congo dan mungkin membawa kepada terlibat-nya tentera Persekutuan Tanah Melayu di-dalam pertarungan yang di-sebutkan tadi.

Kita tahu, saperti Article 46 yang mengatakan bahawa tentera yang pergi ka-Congo di-dalam melaksanakan tugas di-bawah panji² Pertubohan Bangsa² Bersatu ini, akan tundok kepada ranchangan² dan atoran² yang di-buat oleh Majlis Keselamatan dengan bantuan Military Staff Committee. Sa-bagai tentera sudah barang tentu-lah tentera kita itu tidak kita jadikan alat politik yang pergi ka-Congo memikirkan: "Sa-belah mana aku hendak masuk, sama ada aku hendak menembak atau tidak". Ini berlawanan dengan asas utama dari sipat ketenteraan dan discipline ketenteraan-nya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sanggup-kah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membutakan mata-nya, sakira-nya nyata dari peristiwa² yang akan berlaku bahawa anak² kita yang di-kasehi itu walau pun sa-orang lebor di-dalam pertemporan yang tidak ada kena mengena dengan tujuan asal bagi penghantaran mereka ka-Congo itu. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan pindaan ini di-kemukakan. Kita, Tuan Yang di-Pertua, sudah mendengar daripada ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri baharu² ini yang mengatakan

bahawa keadaan di-Congo ini mungkin akan bertambah burok dan di-dalam sa-suatu ketika mungkin tentera ini berhajat kepada tambahan dan bantuan "reinforcement". Perkara yang sa-macam ini akan melibatkan Persekutuan Tanah Melayu kerana kerja yang sa-macam ini bukan-lah kecil. Sama-lah, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita hendak masuk di-dalam sa-suatu peperangan. Sama-lah, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita hendak mengakibatkan diri kita dan mendedahkan tentera kita kepada keadaan² yang tidak kita ketahui ka-mana pada masa ini.

Jadi tujuan pindaan ini ia-lah supaya di-adakan usaha², langkah² oleh Kerajaan negeri ini bagi mengadakan syarat² ini supaya hal ini dapat diatasi. Kita mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa agreement atau perjanjian dengan Security Council oleh Kerajaan sa-sabua negeri yang menyertai pergolakan itu ada-lah satu peluang yang di-izinkan oleh United Nations Charter untuk di-gunakan oleh sa-sabua Kerajaan bagi mengawal kepentingan tentera mereka dengan tidak sama sekali merosakkan tanggung jawab yang tergantung kepada Kerajaan itu menurut Article 43 (1). Jadi ini-lah saya katakan apa yang di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat itu semata² mengawasi sahaja dan patut-nya di-terima pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat tugas yang besar yang hendak di-lakukan oleh Pasokan Bersenjata Persekutuan Tanah Melayu di-Congo ini ternyata-lah bahawa untuk mengembalikan keamanan dan mengembalikan kuasa undang² di-Congo, mengembalikan keamanan dan melaksanakan supaya perjalanan undang² dalam sa-sabua negeri itu bukan-lah berperang, tetapi mengawal. Kita tidak bertujuan dalam Rumah ini mereka ka-Congo untuk berperang dengan sesiapa pun. Kita tidak hendak berperang dengan menembak sesiapa pun, di-sebalek-nya kita akan bersuara kepada tentera kita supaya tidak bertempur dengan sesiapa pun, sebab tujuan kita ada-lah membawa tugas keamanan dan keselamatan. Kalau keamanan-lah yang hendak kita chari dan kalau perdamaian-lah yang

hendak di-chari oleh Pertubohan Bangsa² Bersatu maka bukan-lah bilangan yang banyak menjadi masaa-lah; malah kalau kita hendak berperang dengan Congo ta'chukup-lah tentera 10 battalion tetapi hendak menjaga ketenteraman tidak-lah menasabah seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, wakil Pertubohan Bangsa² Bersatu di-sini telah memberi satu keterangan kepada akhbar² bahawa pada masa ini sudah ada 13,000 orang tentera Bangsa² Bersatu yang pada masa ini berkhidmat di-Congo. Tiga belas ribu orang pasukan bersenjata berada di-sabua negeri bagi mengembalikan ketenteraman sekarang cukup-lah. Tetapi kita sebagai bangsa yang bertanggung jawab dalam ikatan kita dengan United Nations maka kita sambut tugas ini dengan baik dengan menghantarkan bilangan tentera yang menasabah. Tuan Yang di-Pertua, kita nampak yang Kerajaan sendiri dalam siaran akhbar-nya yang lalu, mula² sekali hendak menghantarkan 250 orang, kemudian naik 450, kemudian naik 650. Nampak-nya soal naik ada-lah soal perubahan keadaan. Soal ini pada asas-nya bukan soal bilangan. Mungkin sa-orang Menteri tadi mengatakan kita hendak berbangga bahawa kita negeri yang muda, mari-lah kita

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Tak ada orang berchakap macham itu dalam Rumah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Proceed.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: berbangga dan kita berbangga dengan tentera kita yang muda yang 60 peratus daripada-nya di-bawah 25 tahun umur-nya. Kebanggaan Kerajaan hendak-lah sama dengan kesanggupan. Kalau kita tentera kecil, tak usah-lah hendak banggakan besar. Padankan-lah diri kita dengan kebolehan, sebab, Tuan Yang di-Pertua, "*Apa kata kukur—nyiur juga yang binasa*". Apa kata kita; yang akan menderita ia-lah tentera kita sendiri. Maka dalam asas ini-lah pindaan ini saya kemukakan. Ada pun jangan-lah di-kemukakan pindaan ini, yang elok-nya di-kemukakan satu chadangan supaya

jangan langsung di-hantar tentera kita ka-Congo—boleh jadi itu-lah niat di-sisi hati Menteri yang berchakap itu; kita tidak bertujuan demikian.

Dato' Suleiman: Dato' Yang di-Pertua, soal alasan pindaan ini telah di-bawa. Yang pertama kalau saya ta' salah faham ia-lah kerana negeri kita ini baharu merdeka, negeri kita ini muda dan ada kesusahan dalam negeri. Jadi hendak di-kurangkan angka-nya daripada 613 orang menjadi 250 orang. Itu-lah dasar-nya. Pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya hendak menghantarkan tentera ini bukan-nya hantaran daripada Tanah Melayu ka-negeri Congo bahkan ia-lah Persekutuan Tanah Melayu ia-lah satu daripada anggota United Nations dan sa-bagai ahli United Nations sama ada tua atau muda yang ada boleh menghantarkan tentera-nya bagi menolong sa-suatu soal yang akan susah dan akan terjadi di-sabwah negeri lain, maka negeri kita hendak-lah menghantar saperti-nya itu. Sa-benar-nya perkara ini mesti-lah dari United Nations dahulu, kemudian daripada sana-lah baharu ka-Congo.

Kalau di-bandingkan, sungguh pun negeri Persekutuan Tanah Melayu ini baharu merdeka 3 tahun, yang sa-benar-nya saya merasa megah berkata dalam Rumah yang berbahagia ini ia-itu jika di-bandingkan shukor kita di-mana negeri kita ini sekurang²-nya sama bagus, jika ta' lebeh bagus pun lebeh aman daripada kebanyakan negeri yang baharu mendapat kemerdekaan, dan sa-bagai menyempurnakan kewajipan kita sa-bagai ahli United Nations, oleh kerana banyak juga daripada negeri lain yang telah menghantarkan tentera-nya dan ini bukan semua-nya besar, juga banyak negeri yang kecil² yang sedia menghantarkan tentera-nya dan kita berasa bahawa Kerajaan Persekutuan boleh dan sanggup menyempurnakan kewajipan maka sebab itu-lah di-hantarkan sa-ramai 613 orang semua-nya.

Daripada sa-ramai 613 orang ini, 42 orang Officer, 45 Staff Sergeant dan Sergeant, 35 Corporal dan 450 yang lain². Ini bukan-lah di-katakan satu bahagian yang besar, jika di-bandingkan dengan apa yang terjadi dalam

Congo. Jikalau kita hendak mengikut perbandingan dengan anggota² negeri lain, bahkan patut rasa saya jika hendak memikirkan berapa orang yang hendak di-hantar itu ka-sana, dan dengan keadaan berapa orang yang telah di-hantar oleh negeri² lain ka-Congo itu ia-lah—

Ethiopia	2,560
Ghana	2,390
Guinea	740
Ireland	1,370
Libria	220
Mali	570
Morocco	3,220

dan banyak lagi saya perchaya dari negeri² lain, dan bukan-lah daripada negeri itu sahaja, bahkan memikirkan keadaan negeri dia sendiri dengan mana menghantarkan tentera-nya ka-Congo.

Kerajaan Perikatan telah memikirkan kalau hendak menyempurnakan kewajipan ini sepatut-nya-lah di-hantar ka-sana sa-ramai 613 orang semua-nya, dan dengan ada-nya tentera² yang di-sana dengan boleh membuat sa-suatu kebajikan kapada negeri itu, jikalau di-hantar sa-ramai 613 orang itu semata² dengan tidak berbuat apa² pun maka

Mr. Speaker: Order! Order! The sitting is suspended to 2.30 p.m.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings of this House on the motion now before it shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6 p.m. today.

Dato' Suleiman: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings of this House on the motion now before it shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6 p.m. today.

MALAYAN SPECIAL FORCE FOR SERVICE WITH THE UNITED NATIONS IN THE REPUBLIC OF THE CONGO

Debate resumed on Amendment proposed in line 5 to add after the word "taken" the words "provided that Government take effective steps to ensure that the Force will on no account be used to infringe the sovereignty of the independent Congo Republic or be involved in the conflict between the Russian and American blocs and the Western Powers; and provided further that the Force be reduced to 250".

Amendment again proposed.

Dato' Suleiman: Dato' Yang di-Pertua, saya menyambong ucapan saya pada pagi tadi berkenaan dengan ketakutan atau pun kesusahan yang memikirkan barangkali tentera yang akan pergi ka-Congo itu menjadi perkakas kepada satu² pihak. Pada fikiran saya perkara itu tidak-lah boleh diterima, kerana, jika Ahli² Yang Berhormat ingat dalam surat khabar dua tiga hari yang lalu, Tuan Hammarskjöld, Setia Usaha Agong Bangsa² Bersatu, di-dalam ucapan-nya telah menjawab tuduhan² Tuan Krushchev. Kata Tuan Hammarskjöld, ia menjalankan keputusan dan mengambil langkah apa yang telah di-tetapkan oleh Security Council, tanggung jawab dan mengambil ketetapan ini ia-lah kuasa Security Council yang mana ia-nya ia-lah pihak daripada United Nations. Dengan yang demikian, tentera² dari Persekutuan yang akan pergi ka-Congo sa-bagaimana yang saya katakan pagi tadi ia-lah kerana hendak menyempurnakan kewajiban negeri ini sa-bagai Ahli United Nations; tanggung jawab dan sa-bagai-nya ada-lah samata² di-bawah anjoran Security Council. Jikalau ada menjadi perkakas pun ia-lah menjadi perkakas Security Council dan United Nations. Dan banyak lain² negeri yang menghantar tentera-nya pun menerima; tidak-lah menjadi soal yang tentera dari Persekutuan ini akan di-jadikan perkakas sama ada di-sabelah kapitalis, sa-belah barat atau pun sa-belah kominis.

Yang sa-benar-nya, saya hendak menyambong perchakapan saya berkenaan dengan sebab-nya di-tetapkan

613 orang yang akan di-hantar itu. Sebab-nya ia-lah: telah di-fikirkan bilangan yang sa-banyak ini boleh menjaga keselamatan (security) diri masing² itu, kerana keadaan yang hendak di-amankan di-sana bukan-lah seperti keadaan negeri polis atau pun negeri tentera—hendak pergi mengamankan satu² perkara yang telah terjadi, tetapi negeri itu dalam keadaan aman. Kejadian di-Congo itu sama ada menjadi negeri polis atau negeri tentera, tidak boleh di-kata atau di-tetapkan atau dengan senang boleh mengaman-kan-nya. Itu-lah yang pertama sa-kali patut di-fikirkan supaya tentera yang di-hantar itu boleh menjaga keselamatan diri-nya sendiri seperti yang saya katakan perkara ini telah di-fikirkan.

Oleh itu, berkenaan dengan dua perkara ini, ia-itu berapa banyak tentera yang akan di-hantar ka-sana itu. Perkara itu Kerajaan Persekutuan telah memikirkan; ini-lah banyak-nya yang di-fikirkan menurut keadaan negeri ini, menurut yang kita boleh hantar dan menurut keselamatan, ini-lah yang di-tetapkan ka-semua-nya, dan berkenaan dengan menjadi perkakas itu tidak ada menjadi soal.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun membangkang pindaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat wakil Besut itu. Bukan-lah kita ini membangkang dengan chara membuta tuli sahaja. Ada juga chadangan², tegoran² dan fikiran² yang baik daripada pihak pembangkang yang telah kita terima dengan baik-nya. Tetapi di-atas perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, mari-lah kita sama² memikirkan di-atas usul yang asal tadi, yang mengatakan bahawa Majlis ini mengambil ingatan atau perhatian atas tindakan Kerajaan dalam hal menempatkan satu pasukan daripada anggota² bersenjata Persekutuan yang akan berhidmat di-bawah Bangsa² Bersatu. Keputusan² ini telah pun dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Article 140 dengan nasehat daripada Jema'ah Menteri. Ada-kah kita sekarang hendak membawa pindaan ini yang mana telah diputuskan oleh Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada pendapat saya tentu-lah tersentuh sedikit berkenaan dengan penguasaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Yang pertama-nya, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah pindaan ini saya anggapkan sa-bagai satu political stunt. Dan yang kedua-nya sa-bagai pehak yang mendatangkan pindaan ini hendak menzahirkan perasaan insaf dan bimbang atau timbang rasa di-atas tentera di-Raja yang kita akan hantarkan berhidmat di-bawah panji² Bangsa² Bersatu. Pada pendapat saya, tidak ada sa-orang pun dalam Dewan ini bahkan dalam negara ini yang lebeh insaf, lebeh² bimbang dan lebeh² kuatir sa-lain daripada Tunku Perdana Menteri sendiri. Kerana Tunku Perdana Menteri sendiri rela mengizinkan putera-nya yang chuma sa-orang sahaja di-hantar bersama² dengan tentera atau perajurit² Persekutuan Tanah Melayu berhidmat di-bawah panji² Bangsa² Bersatu. Itu pun, Dato' Yang di-Pertua, beliau tidak pun merasa bimbang bahkan terserah-lah kepada kuasa Tohan untuk memiliharakan anak-nya dan juga perajurit² yang akan berhidmat di-sana.

Perhidmatan ini ada-lah di-arahkan oleh Bangsa² Bersatu dan tanggung jawab yang penoh terserah kepada Bangsa² Bersatu di-atas keselamatan mereka itu dan atas segala hal-ehwal bersangkutan dengan perhidmatan itu. Ada-kah patut kita pula adakan satu syarat hendak menghantar tentera² kita berhidmat di-bawah Bangsa² Bersatu itu? Tentu-lah saya fikir tidak patut kerana kalau kita adakan syarat² atau pun apa² perkara yang tertentu untuk menjamin keselamatan berma'ana-lah kita tidak ada taroh keperchayaan yang penoh kepada Bangsa² Bersatu dan ka-bolehan Pengarah² Bangsa² Bersatu serta kecekapan-nya di-sana. Tetap sakali tentera² Bangsa² Bersatu yang akan berhidmat di-sana akan menjalankan kewajipan mereka itu mengikut keputusan Majlis Keselamatan dan juga Majlis Bangsa² Bersatu. Tentu-lah sa-kali mereka itu tidak akan menchampori kedaulatan negara itu

dan perkara² yang boleh mendatangkan keburukan kepada pasokan Bangsa² Bersatu.

Di-samping itu ada-kah di-dapati negara² yang lain yang menghantarkan tentera mereka di-sana itu mengadakan syarat²? Tidak-kah mereka itu berasa bimbang di-atas tanggung jawab tentera² mereka itu sendiri? Bagitu-lah juga kita pun akan hantar tentera² kita mengikut panggilan Bangsa² Bersatu untuk berhidmat bersama² di-sana.

Yang Berhormat wakil Besut tadi mengatakan bahawa beliau berasa churiga di-atas pendirian Kerajaan kita, takut kita terlibat dalam hal-ehwal negara Congo; terlibat block Komunis atau pun block Barat. Perkara ini, saya fikir tidak payah-lah di-churigakan kerana sa-bagaimana yang telah Kerajaan ini membuktikan dengan jelas-nya, kita tidak sa-belah sana dan sa-belah sini.

Saya ingin mendatangkan contoh pendirian kita terhadap Kerajaan Africa Selatan, yang Kerajaan itu adalah di-dalam Commonwealth tetapi pendapat kita bahawa perbuatannya tidak sesuai dan walau pun dia di-dalam Commonwealth kita tetap akan membangkang serta mengambil pendirian yang tegas. Dan contoh sa-bagaimana yang berlaku di-Tibet, kita telah pun sama² mengemukakan satu usul mengutokkan perbuatan itu. Contoh pendirian Tunku Perdana Menteri dalam kunjungan-nya ka-Eropa, beliau terus pergi ka-Belanda membuat perundingan untuk mengambil berat apa-kah tindakan Belanda akan ambil di-atas perkara Irian Barat dan banyak orang meneka begitu dan bagini. Manakala Tunku Perdana Menteri balek beliau menerangkan dengan jelas² apa-kah terjadi-nya di-Irian Barat. Dan baharu² ini Kerajaan kita telah menawarkan diri untuk menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah Irian Barat. Dan juga berkenaan dengan pendirian kita terhadap Komunis China, dahulu-nya kita bangkang tetapi sekarang kita, mengikut peredaran masa dan zaman kita shorkan supaya Komunis China itu dimasukkan sa-bagai sa-buah anggota

Bangsa² Bersatu dengan syarat China Kebangsaan itu di-terima juga menjadi sa-bagai anggota.

Dengan ini, Dato' Yang di-Pertua, jelas dan nyata-lah bahawa Kerajaan Perikatan tidak semua sa-kali akan memberat ka-kanan, ka-kiri atau pro Komunis atau pro Capitalist. Kita berdiri tetap di-atas pendirian kita. Dan bagaimana dalam manifesto kita telah pun menyebutkan perjuangan kita itu. Dato' Yang di-Pertua, kita sa-bagai sa-buah negara yang kecil jikalau datang satu² permintaan untuk berhidmat, patut sa-kali kita sa-bagai warga negara sokong penoh menyumbangkan tenaga kita sedikit sa-banyak kepada Bangsa² Bersatu, mudahan² pada masa yang ka-hadapan sakiranya kedaulatan negara kita sendiri terchabol atau terancham maka dapat-lah Bangsa² Bersatu dengan chepat-nya mendatangkan bantuan kepada kita dengan segera untuk memelihara kedaulatan negara kita.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, the amendment proposed and seconded and now being debated is really in two parts—one calling for guarantees or assurances that Malayan forces will not be used either by the Communist bloc or by the Western bloc, and the second part of the amendment seeks to limit the number of troops or the number of persons that should be sent to the Congo.

Mr. Speaker, Sir, on the question of the number of troops to be sent, my opinion is that there is no justification for limiting the number. If we are going to assist, let us assist with the best number that we can—a force which will be strong enough or good enough to carry out the duties for which it is sent to the Congo. But there is very great substance in the first part of the amendment which seeks a guarantee as to the use to which Malayan troops will be put in the Congo.

Mr. Speaker, Sir, the crisis of the Congo is a crisis of the conscience of the freedom-loving peoples of the free world. The Congo situation is a delicate situation and any troops from any country which go to the Congo must maintain very strictly the principles of

the United Nations Charter. We send our troops under Article 43 for one purpose, and one purpose only, that is, to maintain international peace and security and to assist the Congolese people in their present unfortunate plight.

Mr. Speaker, Sir, the Malayan troops will be under the direction of the United Nations. In a normal case, there is not much difficulty as to what the United Nations will do. We have had, in the past, experience where United Nations forces have been sent to various parts of the world and there had not been the trouble or the accusations or allegations against the United Nations as there is in the Congo situation.

Mr. Speaker, Sir, why do we from the P.P.P. Group support this amendment which asks for these guarantees? We support it because, I say, from the actions of the past few months in the Congo, it is clear that there is a possibility that Malayan forces may be used not in keeping with the principles of the United Nations Charter. Now, that is, I know, a blank statement. What are the facts either to support, or not to support, that statement? Let us analyse the position. The Congo struggle burst into the limelight when Mr. Tshombe of Katanga said, "I want to be an independent territory". Mr. Speaker, Sir, what is Katanga? Katanga is the richest province of the Congo with uranium, cobalt and other minerals. Who has interests in those mines? The Belgians and the Rockefellers of America—they hold the interests in this very wealthy part of the Congo.

Mr. Speaker, Sir, what did Mr. Patrice Lumumba, the elected Prime Minister of the Congo, do? He seeks assistance; he seeks assistance from the Prime Minister. We can recall the case of Suez, where the United Nations acted so promptly, that even great forces of Britain and France were ordered to, and did in fact, pull out their troops within the time given by the United Nations. The General Assembly was called to meet as a matter of great urgency when the Suez problem was there. But in the Congo,

the Belgians did not pull out their troops when asked to do so by the United Nations. Did any member of the United Nations call for an emergency meeting of the General Assembly? No! Why is it? Is it because the Americans are part of the United Nations? Is it because of their vast interests in the Katanga territory? Mr. Speaker, Sir, that is one first indication that all is not well with the work of the United Nations in the Congo, and we start, therefore, by saying, "Give us a guarantee that our troops will be used only for the purpose for which the United Nations Charter say they should be used." Then we get Mr. Lumumba himself calling in the United Nations. He said, "Come and assist me to restore order." And what is the established government of the Congo? The government of Mr. Patrice Lumumba. That is the elected government, the only legal government of the Congo. The United Nations sent the Secretary-General to the Congo to work with the elected government to restore peace and maintain order within the Congo. What are the events which came after? The man who calls them in to his country for assistance is driven to such a state that he has to say, "Now, leave my country. You are not assisting me, you are trying to destroy me." Is there a foundation for that? Mr. Speaker, Sir, I say that in the history of the world perhaps there has never been a case where a United Nations peace force goes to another man's country and says, "You get out of the radio station; you cannot use your own radio." Is that the manner in which the United Nations force is impartial? Is that the manner in which the United Nations force says, "We are trying to restore law and order working in conjunction with the established government of the Congo"? That is one more reason why we say that the situation is so delicate that when our troops go there we ask for an assurance that they will not be used for purposes such as that. I know the answer to that is, "Well, if we don't close the radio station, how are we going to maintain peace?" There is always an answer to either a lawful

act or an unlawful act, a just or an unjust act; but is that answer a justifiable answer? I say it is not a justifiable answer. But that is not only one incident. We have the incident of the massacre of Lumumba's supporters in a village by a Katanga "rebel group", as they call them. What did the United Nations do? A note of protest, a note of very strong protest, to the Katanga province. Is that the way they are working in conjunction with the established government to maintain peace?

Mr. Speaker, Sir, the Lumumba government was the established government. Suddenly, we find somebody by the name of Ileo jumping up and saying "I am now the Prime Minister. I have been appointed by Kasavubu, the President of the Republic." And the United Nations say, "Now, we do not know who is the legal government; we do not know whom to deal with." Mr. Speaker, Sir, is that the way the United Nations say "we recognise the established government of the Congo"? Is that not then a good reason why we should support this amendment brought into this House by the P.M.I.P. to ask for a guarantee that these forces which we send should not be used for purposes for which they should not be used?

Mr. Speaker, Sir, the Honourable the Prime Minister this morning said—the very first page of his address to this House—

"For some countries, as a result of Russian influence, had thought fit to withdraw their forces from this area, leaving those forces only which are determined to discharge their obligations to the United Nations, which is to keep peace and order in that country."

Mr. Speaker, Sir, I regret very much that that statement was made. Far from condemning, I think we should congratulate the Arab Republic for withdrawing their forces when they saw through the American game of divide and rule, the American game of capitalist control in the Katanga province and the Congo territory itself. Mr. Speaker, Sir, not only should we congratulate the Republic for their stand but we should also congratulate Guinea and Ghana, or Ghana and Guinea—I do not know which way you like to call them—because they saw

through the game of international politics in which the Congo was being made a pawn. Mr. Speaker, Sir, that being the situation, I say again, "Are we not entitled to ask for a guarantee or an assurance?" It is all very well to say, "Well, the United Nations Charter says so, the resolution of the United Nations says so." But what is on the ground; what is being done? What are the factual things that are in our minds today? It is not the written words, it is the execution of the written words that is important.

Mr. Speaker, Sir, again we have the example of how the United Nations in the Congo standing by and seeing the Prime Minister, Mr. Lumumba, being dethroned, first by one person, then by another, and then by the President. What is the United Nations doing to restore order? What is the programme? What are our forces being taken to the Congo for? We are not fighting international communism on Congo soil; we are not going there to declare war on international communism, or Mr. Krushchev, or the Soviet Union. They are going there as a peace force.

This morning the Honourable the Prime Minister—I refer to page 11 of his speech—has said:

"The Republic of the Congo, akin to us by way of the fact that she is but recently independent, must not be exposed in her tender years to the dangers of subversion as perpetrated by international Communism. Her new-found sovereignty must be protected from the perils of a novel but a more sinister type of colonialism and imperialism."

It is a very good statement with which nobody in this House can quarrel, but I say with equal force that we, as an independent nation, should protect the Congo in her young days, in her birth, from American capitalists, or from any form of exploitation by the communists, capitalists, or anybody, whoever they may be.

Mr. Speaker, Sir, Malaya is supposed to be neutral in international politics. This morning the stand of Malaya is quite clear. According to the Honourable the Prime Minister, there is no question of neutrality—Where is our policy of neutrality?—and in the same breath we are told, "If So-and-So wants, we will arbitrate." Where is the neutrality with which you can arbitrate? For

those reasons we ask for this guarantee. We, who are sending troops, are entitled to know with clarity what our troops are going to do when they get to the Congo. Are they going to the aid of the lawfully established Government of the Congo, that is, the Government of Mr. Patrice Lumumba, which took over from the Belgians, to whom power was handed and who invited the United Nations to the Congo? Are our troops going to the Congo to chop off, to fragment the Congo? Mr. Speaker, Sir, that is not clear. We ask for an assurance, we ask for an assurance in writing, by the amendment which has been introduced.

Today, doubts arise because of the unsatisfactory command of the United Nations in the past, and it is only from the past that we may foresee what will come in future. It is very significant that immediately after independence in the Congo, the richest territory in the Congo, where the interest of America was so great, the interest of Belgium was so great, that that territory said, "We want to break away under Mr. Tshombe." What troops did Mr. Tshombe use, when he threatened the United Nations, "If you march into Katanga, I will fight back"? They were Belgian troops, Belgian troops who were stationed in Katanga under the guise that they were going to protect Belgians.

Mr. Speaker, Sir, if the United Nations could shut its eyes to that, then I say that we are entitled to ask for a guarantee. Whether Russia has designs on Congo, or whether Russia has no designs on Congo, is a matter which has to be considered; but it is a matter which, I say, is absolutely irrelevant in deciding whether we should make clear in our minds for what purpose our troops are going because we have been told that our troops are going to maintain peace. We are not going there to fight international communism, and if Russia has designs on the Congo then the United Nations knows how to deal with that situation. But most important of all, Sir, are Malayan troops going to the Congo to dethrone or remove Mr. Lumumba, because in the eyes of America Mr.

Lumumba has communistic sympathies? All the things in the past, the hindrance, the hampering, the non-co-operation of the Secretary-General in respect of requests by Mr. Lumumba in so many things—Mr. Lumumba said, “Wait for me, I want to come with you to Katanga” and the Secretary-General replied, “No, I cannot wait for you”; Mr. Lumumba said, “Wait for me, I want to come to the United Nations with you,” again the Secretary-General replied, “No, I cannot wait for you; I have got to fly there first”—what do all these point to? Can any independent nation say, “Yes, the sovereignty of the Congo is being protected by the United Nations,” when the established Government, the leader of the established Government, is being snubbed at every turn by the United Nations called in at his own request?

However, what is most shocking is this—that this morning we expected to hear from the Honourable the Prime Minister an address telling us more or less what our troops are required for, what is this dispute about: some say that the United Nations is unfair, some say that the United Nations is fair. We expected some sort of information, but instead of which, on a motion asking us to approve the sending of our troops, we get a speech almost telling us that Malaya has declared war on international communism. There is no attempt to explain the dispute which has arisen in the United Nations. In fact, it has this—we in this country will never say that we are not prepared to send troops; we are prepared and it is our duty, it is the duty of every member of the United Nations, to do that.

Mr. Speaker, Sir, we do not want our troops to be used by the communists; similarly we do not want our troops to be used by any other power for their own personal gains, for their own secular gains. “Our troops will go to the Congo for one purpose only—to maintain peace, to preserve international peace in this world”—if we have that assurance then we will be the first to support wholeheartedly the sending of our troops to the Congo. But as it stands now, we do not have that. We have only a white-washing of what

has been known in the past. Surely, nobody can suggest that because the United Arab Republic pulled out their troops, they are communists; nobody can suggest that Ghana or Guinea, because they thought of doing the same thing, are now also communists, that they are unreliable, that they are influenced by Russia? Each country knows what to do. Some countries watch the situation more closely; some countries have had experience under United Nations Command, which Malaya has not had, in the Congo; and if we get this assurance, then we will not have to face the situation of the United Arab Republic of going in and forcing ourselves to come out. That is why we say, “Give us that assurance.”

Mr. Speaker, Sir, the Congo is an independent territory, and it would be a sad day if Malayan troops—and one thing we must all observe is that in this particular case of the Congo, the United Nations is using Asian troops—are to prop up a puppet Government, which will be pro-American in its outlook. That is the motive, that is the intention of American interest in the Congo. If you watch it carefully, you will see that they want to use Asian troops to suppress a popularly elected Government—that is the peculiar circumstance in the Congo. Those are the strange factors on which I strongly support the first part of the amendment put up by the P.M.I.P.

With regard to the second part I am not in favour of it, because I feel that a nation like ours who has, as I have been told, received so much assistance from Commonwealth countries in our time of need, must similarly send as much men and material as possible for the maintenance of international peace.

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membantah pindaan ini, chadangan meminda usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat daripada Besut dalam mengemukakan pindaan usul-nya tadi telah menyatakan satu daripada alasan-nya pindaan ini di-buat ia-lah supaya mendapat jaminan yang tentera kita

ini di-hantar ka-Congo tidak digunakan untuk menyebelah mana² pehak. Di-sini saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Piagam Pertubohan Bangsa² Bersatu ia-itu Article 43 yang Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah pun membaca bahagian 43 dan seterusnya Article 44.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan ini tidak mustahak seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut itu mengikut pindaan-nya, kerana tiap² ahli Bangsa² Bersatu dalam menghantarkan tentera-nya mengikut kehendak Bangsa² Bersatu adalah di-jemput bersama² untuk mengambil bahagian dalam persidangan Security Council dan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah wakil kita sa-bagai ahli yang menghantar tentera kita ka-Congo itu menentukan pendirian kita atau apa juga tentang pendirian kita terhadap tentera kita yang di-hantar ka-Congo itu.

Selain daripada itu Ahli Yang Berhormat dari Besut juga meminta supaya di-adakan pindaan ini dengan beraiaskan bahawa tentera kita ini atau pun dasar Kerajaan kita pada hari ini jangan-lah menyebelah mana² pehak, tetapi hendak-lah menyebelah blok Afro-Asia. Yang sa-benar-nya, tentera yang ada di-Congo pada hari ini sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi boleh di-katakan 90 persen daripada-nya ia-lah daripada Afro-Asia. Di-sini menunjukkan kebanyakan daripada negeri² dalam Afro-Asia dengan suka rela bersetuju menghantarkan tentera² mereka mengikut Piagam Bangsa² Bersatu dan mengikut kehendak, kemahuan Kerajaan Congo yang di-ketuai oleh Mr. Lumumba. Selain daripada itu ada juga di-sebutkan tadi tentang pindaan-nya supaya angka yang 613 orang tentera itu dikurangkan menjadi 250 orang. Ini bukan-lah seperti kita hendak pergi makan kenduri, kita boleh panggil sesiapa Pak Lebai untuk bacha do'a sahaja. Kalau kita hendak adakan football team sekali pun bukan-lah boleh dengan 11 orang sahaja malah kita mesti ada reserve 5-6 orang lagi, tambahan pula kalau kita hendak

menghantarkan tentera tentu-lah mustahak di-hantarkan dengan chukop lengkap, terator dan sempurna-nya.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya Kerajaan telah menentukan seramai 250 orang, tetapi telah di-tentukan juga mengikut keadaan di-Congo pada masa itu. Sa-lepas daripada itu angka itu telah di-naikkan daripada 450 menjadi 613 di-sebabkan keadaan di-Congo telah menjadi² daripada keadaan² yang burok kepada keadaan yang lebih burok lagi dan dengan sebab itu di-naikkan angka itu sehingga-lah pada hari ini angka itu meningkat hingga berjumlah 613 orang, kerana kalau kita menghantar tentera kita maka mustahak-lah kita menghantarkan satu pasokan tentera yang tidak bergantung kepada pertolongan, atau pun harapan daripada tentera negeri lain. Sebab tentera kita itu mustahak-lah sa-bagai satu tentera yang boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri, self-contained-unit—chukop dengan kelengkapan kita dengan tidak bergantung daripada mana² pehak sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah juga menyatakan pindaan yang di-buat-nya itu supaya tentera kita yang berkhidmat sa-bagai tentera Bangsa² Bersatu itu tidak mencherobohi hak kedaulatan Republic Congo. Yang sa-benar-nya tentera Persekutuan Tanah Melayu yang pergi ka-Congo itu manakala sampai ka-Congo bukan-lah lagi tentera Persekutuan Tanah Melayu, tetapi ada-lah sa-benar-nya tentera Bangsa² Bersatu, dan bukan-lah sa-bagaimana yang ditudoh atau di-fikirkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok di-bawah Military Staff Committee, tetapi sa-benar-nya ada-lah di-bawah jagaan dan anjoran pemerintah Security Council daripada Pertubohan Bangsa² Bersatu.

Wakil daripada Ipoh ada menyatakan atau pun menunjukkan perbandingan keadaan yang berlaku di-Egypt. Dia mengatakan manakala keadaan yang telah berlaku di-Egypt atau pun di-United Arab Republic beberapa tahun yang sudah maka meshuarat atau pun persidangan dharurat telah pun di-panggil oleh Pertubohan

Bangsa² Bersatu untuk membincangkan hal itu. Keadaan di-Egypt adalah berlainan dengan keadaan di-Congo. Keadaan di-United Arab Republic pada masa itu ia-lah keadaan sa-buah negeri yang telah di-masoki atau pun di-langgar oleh pihak² tentera daripada luar negeri masuk ka-dalam United Arab Republic, tetapi di-Congo

Mr. Speaker: Pada masa itu dia belum jadi United Arab Republic bukan?

Enche' Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof: Saya hendak sebutkan negeri itu, kalau di-sebutkan Egypt pula takut tersilap nanti pada masa sekarang ini. Tetapi Congo, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sa-buah negeri yang telah mencapai kemerdekaan. Tidak ada satu keadaan yang boleh di-katakan keadaan perang dalam negeri itu, tetapi sejak tercapai-nya kemerdekaan maka keadaan telah berlaku pada hari ini bukan-lah oleh sebab ada langgaran daripada mana² tentera daripada luar negeri masuk ka-dalam-nya—ini ada-lah berlainan sama sekali di-antara Egypt dengan Congo. Dan selain daripada itu dia juga menyebutkan yang Pertubohan Bangsa² Bersatu mengambil langkah saolah² mengachau dalam Congo ia-itu dengan tidak memberi kebenaran bagi menggunakan radio dan sa-bagai-nya. Saya suka menyatakan dalam Piagam Bangsa² Bersatu ada menyebutkan dalam Article 41 yang Security Council boleh menumpukan untuk memegang atau pun mengawasi "rail, sea, air, postal, telegraphic, radio dan sa-bagai-nya."

Saya suka menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang ada dalam Congo pada masa itu ia-lah Bangsa² Bersatu, bukan kuasa Congo lagi, kalau kuasa Congo yang memerintah Congo itu tadi berma'ana-lah Mr. Lumumba sendiri meminta pertolongan daripada Pertubohan Bangsa² Bersatu. Dengan ada-nya permintaan, pertolongan daripada Mr. Lumumba dengan Pertubohan Bangsa² Bersatu ada-lah menunjukkan Mr. Lumumba sendiri tak sanggop lagi menjalankan pemerintahan-nya, tak sanggop lagi menjalankan, atau mengadakan ketenteraman dan keamanan dalam negeri itu

sendiri. Pendek kata Mr. Lumumba sendiri sudah mengaku yang dia tak sanggop dan meminta pertolongan supaya Pertubohan Bangsa² Bersatu ini menjalankan tindakan untuk menyelamatkan negeri-nya yang telah merdeka itu.

Kalau ada tuduhan yang mengatakan Pertubohan Bangsa² Bersatu itu semata² hendak membuat kachau atau pun mengambil kuasa sendiri daripada tangan Mr. Lumumba sa-bagai Perdana Menteri maka itu ada-lah tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Saya membantah pindaan chadangan ini oleh sebab kita mesti ingat bahawa yang kita ini ia-lah ahli Pertubohan Bangsa² Bersatu dan sa-bagai ahli Pertubohan Bangsa² Bersatu terpaksa-lah kita tundok kehendak atau kemahuan atau charter Piagam Bangsa² Bersatu. Jikalau kita selama hari ini telah mendapat pertolongan banyak daripada Pertubohan Bangsa² Bersatu baik tentang technical aid dan sa-bagai-nya maka tiap² ahli Bangsa² Bersatu juga mustahak memberi jaminan yang tiap² ahli itu tundok kepada kehendak dan kemahuan Piagam ini yang kita telah bersama² sa-bagai ahli Bangsa² Bersatu menerima dan memegang tegoh kepada dasar Piagam yang tertentu itu. Dan saya suka menyatakan dengan perasaan bangga sungguh pun ada ahli yang di-sa-belah sana tak suka perkataan bangga itu, tetapi saya suka menyebutkan bahawa saya berasa bangga yang kita di-minta oleh Pertubohan Bangsa² Bersatu, bukan sebab kita hendak memerintah negeri atau melanggar negeri orang, tetapi semata² kita pergi ia-lah sa-bagai satu pasukan tentera bukan hendak pergi berperang malah sa-bagai tentera keamanan untuk mententeramkan negeri yang pada masa ini dalam keadaan kelam kabut. Dengan sebab itu, kita sa-bagai sa-buah negeri yang baharu sahaja merdeka patut kita berasa bangga dan megah yang telah di-pilih meminta bantuan semacham itu terutama sekali pasukan tentera yang kita hendak hantarkan itu ada-lah mengandongi daripada berbagai² bangsa yang terdiri dari orang² Melayu, China, India, Nasrani dan sa-bagai-nya.

Di-sini menunjukkan bahawa bagaimana aman dan tenteram negeri kita yang di-duduki oleh berbagai² bangsa dan begitu juga harapan kita supaya tentera kita itu dapat menunjukkan pada dunia yang kita akan mengamankan sa-bagaimana dapat kita mengamankan negeri kita, semoga dengan harapan ini dapat-lah kita menjalankan tugas tentera yang di-bawah anjoran Bangsa² Bersatu menjalankan kewajipan-nya di-Congo.

Enche' V. David (Bungsar): Mr. Speaker, Sir, this morning we heard a lengthy speech by the Honourable the Prime Minister who had been going all out to defend Imperialism (*Laughter*). Sir, the whole issue before us is that where we are going to send our army and for what purpose, has been omitted in the speech. It was said, "We are sending our troops to the Congo", but what would they be doing in Congo is not clearly understood—according to the Prime Minister, to restore peace and order. The Prime Minister also further added that they would be under the direction of the United Nations. Sir, we are sending to a territory without knowing whom we are going to serve and to whom we are going to pledge our loyalty—whether to Mr. Tshombe or to Mr. Lumumba.

Mr. Speaker: Are you speaking on the amendment? We are now debating on the amendment to the motion.

Enche' V. David: On the amendment, Sir. I am coming to the point. Sir, we cannot blindly support any motion without having a concrete assurance from the Government Bench as to what purpose our troops are going to be sent and whom they are going to serve in the Congo.

Mr. Speaker, Sir, the Prime Minister, while speaking at length, criticised the Soviet Prime Minister for trying to make capital of the Congo issue. But, unfortunately, Sir, the Prime Minister vomitted a great part of Mr. Khrushchev's speech. A certain part of his speech also dwells regarding colonialism and territories which are still under colonial rule. This part of the speech says that all countries which

are under colonial rule should be immediately free from the clutches of colonialism and the appropriate Governments should negotiate with such colonial territories in order to see that they become independent as soon as possible. Mr. Speaker, Sir, I for one would completely agree with this part, and I think the Prime Minister himself and his Government colleagues would support this. But, again, Sir, a part which was mentioned during the course of his speech says, "We are neither neutrals and we are also anti-communist", but this automatically drives us to the conclusion that the Alliance is pro-Imperialism and pro-West.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah dia berchakap di-atas pindaan ini?

Mr. Speaker: Bila sa-saorang itu berchakap di-atas pindaan usul yang asal itu dia ada berkait² (*Ketawa*).

Enche' V. David: Sir, the question of the Congo has been really ridiculed by certain members of the United Nations and it is also being ridiculed by Members of the Government Bench today. Every day, unfortunately, we find new Prime Ministers coming out of the Congo claiming it their own territory, and the next morning we read in the papers that the so-called Prime Minister is under arrest and that after a few hours he drives along the streets of Congo. Mr. Speaker, Sir, I cannot really understand what the United Nations have been doing so far. What concrete action have they taken? As the Honourable Member for Ipoh just now said, the troops arrived in the Congo under the invitation of the Premier, Mr. Patrice Lumumba, but, unfortunately, the object for which the troops were intended to serve the properly constituted Government of Lumumba, was not carried out. Due to this, he was driven to the conclusion that by having the United Nations troops in the Congo it would not assist him but would betray his cause and the cause of his people.

Sir, regarding Katanga, it is very glaring that American and Belgian interests are playing a major part:

because of the natural resources that are obtainable in this place and the Western interests are not willing to relax their control over this territory.

Mr. Speaker: I do not know yet whether you are supporting the amendment or not. Are you supporting the amendment?

Enche' V. David: In principle, Sir, definitely we have to support the amendment. We support it for the very fact that we would like to have an assurance from the Government. Sir, I am just driving to the point which should be clearly understood.

Mr. Speaker: We are now debating the amendment, not the substantive motion yet, because we are coming back to it.

Enche' V. David: But in the course of debate, Sir, many speeches have been delivered, and I am trying to clarify.

Mr. Speaker: Yes, but I want to know whether you are supporting the amendment or opposing it.

Enche' V. David: Yes, we are supporting a part of the amendment which was moved by a colleague from the P.M.I.P. (*Laughter*).

Mr. Speaker: Proceed!

Enche' V. David: It would be ridiculous, Sir, to ask the Opposition Members to support the motion without knowing for what purpose that motion is to be supported (*Laughter*). The Prime Minister himself, I think, would not be able to tell us which Government the troops about to leave Malaya would serve—whether it is going to serve the Government of Mr. Lumumba or the Government of Mr. Tshombe is not known yet.

Mr. Speaker: I do not like to interrupt you, but I must remind you that we are coming back to the original motion. You will have the opportunity to debate on that again, instead of wasting the time now. We want to complete this amendment first before we can go back to the original motion.

Enche' V. David: Thank you, Sir. I seek an assurance from the Government Bench to say that our troops will definitely support Mr. Lumumba and his Government, in my contention, I feel that it is the only properly-constituted Government to which power from the Belgian Government was handed. And such being the case, if any attempt is made by the Malayan troops to support any other form of government, it would be only sabotaging the aspirations of the people of Congo. Further, I take this opportunity to congratulate Mr. Lumumba (*Laughter*) for his self-determination, courage and wisdom for maintaining his status as Prime Minister in the course of outside pressure which has been borne upon him by the Western powers.

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sama sa-kali di-atas pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Besut di-atas usul yang telah di-bawa oleh Yang Berhormat Perdana Menteri

Mr. Speaker: Tolong jangan ulang hujah² yang telah di-keluarkan, charilah hujah² baharu. Kalau di-ulang hujah² itu menghilangkan masa

Tuan Haji Abdul Khalid: saya hendak menerangkan

Mr. Speaker: . . . saya menasihatkan sahaja (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Khalid: Terima kaseh. Sebab-nya saya tidak bersetuju di-atas pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah dengan ada-nya pindaan ini, maka zahir-lah bahawa sa-nya kita tidak menaruh kepercayaan dan keyakinan kepada Pertubohan Bangsa² Bersatu yang mana wakil kita sendiri ada duduk di-sana. Saya percaya wakil kita yang telah di-tugaskan untuk memperjuangkan ke'adilan mengikut piagam Bangsa² Bersatu itu tentu-lah akan menjalankan tugas-nya dengan bijaksana dan dengan tulus ikhlas. Jika sa-kira-nya kita mendatangkan pindaan ini, maka dengan sendiri-nya kita telah tidak

menaruh keperchayaan kapada wakil yang di-hantar ka-sana.

Saya sangat-lah hairan manakala saya mendengar hujah² yang telah di-terbitkan—dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua tadi—saya tidak hendak mengulang hujah² itu. Tetapi, hujah² yang di-terangkan-nya itu sa-memang²-nya hujah² yang telah di-bangkitkan oleh Krushchev dan Zorin sendiri di-dalam Majlis Bangsa² Bersatu.

AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!

Tuan Haji Abdul Khalid: Di-sini saya sangat hairan bagaimana-kah perjuangan satu parti siasah dalam Persekutuan Tanah Melayu ini boleh—kalau tidak sama—sa-akan² sama dengan perjuangan satu pemimpin daripada bloc kominis.

AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Khalid: Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya juga menegaskan pendirian Kerajaan Persekutuan di-atas dasar luar negeri. Dasar luar negeri kita ia-lah satu dasar yang bebas dan tidak terikat kapada mana² bloc sa-kali pun. Dan di-sini saya hairan juga daripada hujah² yang di-terbitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut yang mengetuai parti-nya itu telah membawa satu dasar luar negeri mengikut ponggong orang sahaja, dan tidak mengadakan dasar yang tegas dan dasar yang bebas-nya sendiri.

Pindaan ini di-chadangkan dengan hujah² bahawa United Arab Republic telah menarek balek askar²-nya dan Ghana juga ada ura² hendak mengeluarkan askar-nya daripada Congo; maka sebab itu-lah kita mesti adakan pindaan ini.

Ini menunjukkan dengan nyata bahawa pehak² ini tidak ada dasar luar negeri yang tegas dan bebas, tetapi dan sabalek-nya hanya mengadakan dasar mengikut ponggong orang. Sebab, saya tidak payah terangkan dengan lanjut lagi perkara ini kerana telah menjadi kenyataan kapada dunia bahawa pendirian kita tegas dan bebas.

I think it is now time for me to switch over to the Honourable Member for Ipoh. The Honourable Member for

Ipoh mentioned just now that the United Nations' force is working against Mr. Patrice Lumumba and, therefore, should leave the Congo.

Enche' D. R. Seenivasagam: On a point of information, Sir.

Tuan Haji Abdul Khalid: I won't give way, Sir. But it is this very United Nations' force that saved the life of Mr. Lumumba. (*Interruption*).

Mr. Speaker: Order! order!

Tuan Haji Abdul Khalid: Had it not been for the United Nations' force Mr. Lumumba, who has been so highly praised by one of the Members from the opposite side, would not be living. This clearly clarifies the stand of the United Nations' force in the Congo; and the United Nations' force is unattached to any bloc. The United Nations' force was sent there by the Security Council and I am sure my learned friend knows very well that Russia is also a member of the Security Council. And in order to answer my Honourable friend for Bungsar, Sir, I would say that we send our force to the Congo not to serve any bloc but to serve the United Nations' and the Security Council.

Now, I would like to refer to the Honourable the Member for Ipoh, who was congratulating Ghana and Guinea for condemning the Secretary-General of the United Nations. I cannot understand this, because these countries support the Security Council by sponsoring and adopting the Afro-Asian Group Resolution in the Special Session of the General Assembly and that Resolution commends but does not condemn the Secretary-General.

Finally, I would like to emphasise that the United Nations Force in the Congo has gone there on the instruction of the Security Council, and we are sending our troops there also because we have been asked by the Security Council. I feel that we should send our troops there because we are a Member of the Security Council.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan Perdana Menteri mula² tadi menyatakan bahawa

kuasa bagi menghantar askar² negeri ini keluar negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, adalah di-tangan Yang di-Pertuan Agong sa-bagai Panglima yang tertinggi Angkatan Bersenjata Persekutuan, dengan nasehat daripada Perdana Menteri dan Kabinet-nya. Maka dengan ini ternyata-lah bahawa kuasa ini telah dan sedang di-laksanakan dengan sa-penoh-nya ia itu tentera² ini akan bertolak daripada Persekutuan Tanah Melayu pada 4 haribulan October ini. Memandangkan kapada ini semua-nya, Tuan Yang di-Pertua, jelas-lah kapada kita bahawa tindakan Perdana Menteri menggunakan kuasa dalam Standing Orders bagi memanggil sidang Dewan Ra'ayat pada hari ini sa-bagai kenyataan kegelisahan dan keraguan Kerajaan atas sikap menghantar tentera² kita ka-Congo itu.

Banyak kemungkinan akan berlaku di-Congo. Perang dingin mungkin bertukar kapada perang panas. Maka supaya Parlimen memikul tanggung jawab sama di-atas sa-barang tindakan dan akibat kemudian-nya, ini-lah di-minta persetujuan daripada Parlimen ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, mari-lah kita memikirkan soal ini dengan berat dan halus. Sebab tidak ada guna-nya memanggil sidang Rumah ini kalau tidak mau mendengar fikiran dan pandangan yang mustahak dari semua pehak. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah sakira-nya di-izinkan pehak penyokong Kerajaan atau pehak Menteri bagi membuat tuduhan dengan mengatakan bahawa sa-bahagian daripada kenyataan² daripada pehak pembangkang ini hampir² sama kalau tidak pun sama dengan alasan² atau hujah² yang di-keluarkan oleh Tuan Krushchev yang boleh menunjukkan bahawa suatu keganjilan, sa-olah²-nya penyokong-nya ada dalam Dewan Ra'ayat ini. (*Ketawa*). Maka apa salah-nya kalau-lah kita katakan bahawa sa-bahagian besar, bahkan hampir semua sakali hujah² yang di-keluarkan oleh pehak barat di-dalam United Nations itu di-gunakan oleh pehak Kerajaan, maka boleh-lah pula kita mengatakan bahawa pehak Kerajaan sekarang ini membuntu, mengekor—mengikuti di-belakang, memunggungi polisi pehak barat (*Ketawa*). Saya perchaya . . .

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan sahaja (*Ketawa*) kita maseh dalam pindaan yang di-bawa oleh pehak Tuan juga tetapi Tuan sendiri pun belum berchakap di-atas pindaan ini. Sudah panjang terjemahan-nya.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Itu sa-bagai terjemahan, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Panjang sangat.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Ia! Ia! Jadi, dalam perbaha-
than pindaan ini, saya rasa, boleh menimbulkan satu keadaan yang tidak baik dalam Dewan ini, kalau soal tudoh menudoh itu di-bawa ka-tengah.

Tuan Yang di-Pertua, masok-lah dalam soal pindaan ini, saya berdiri ada-lah menyokong pindaan ini. Kita semua mengetahui dan sama² tahu bahawa ada-nya tentera² Bangsa² Bersatu di-Congo itu, ia-lah sa-bagai satu alat untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri itu. Dan bagi pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula menyahut seruan Bangsa² Bersatu itu ada-lah satu tindakan yang bijak dan patut-lah di-berikan pujian. Soal menghantar tentera ka-Congo, soal menjalankan tugas sa-bagai tugas Bangsa² Bersatu untuk menjaga keamanan dan keselamatan di-Congo, tidak-lah menjadi perselisihan di-antara pehak membawa pindaan ini dengan pehak yang membawa chadangan asal. Chuma yang menjadi pindaan-nya, ia-lah menghendaki ada-nya satu² jaminan yang boleh menjamin supaya benar² ada-nya tentera² Persekutuan Tanah Melayu di-Congo itu dapat menjalankan tugas dengan betul dan tidak di-pesongkan dengan aliran yang lain.

Dalam menjalankan tugas menjaga kedaulatan dan keselamatan serta keamanan di-Congo, sudah tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, Bangsa² Bersatu sendiri akan memikirkan chara yang betul bagi menjalankan tugas tersebut. Akan tetapi satu kemungkinan yang harus kita kajikan, ada-kah nanti dinamakan menjaga kedaulatan Congo, kalau di-satu masa kelak mungkin timbul kejadian tentera² kita pula tembak menembak dengan tentera² Congo itu sendiri. Ini satu kemungkinan dan

sebab itu-lah kita hendak adakan satu jaminan.

Lagi satu perkara yang saya bimbang, yang Persekutuan Tanah Melayu ini tidak-lah boleh memejamkan mata dan membiarkan sa-suatu kemungkinan, ia itu-lah kepentingan Kerajaan Belgium akan mendahului kedudukan politik di-Congo itu. Dan harus tentera² Persekutuan mungkin terlibat di-dalam negara itu manakala kepentingan Belgium telah mendahului politik di-Congo itu.

Dalam tugas Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu menetapkan pendirian-nya hendak menolong Kerajaan Pusat Congo bagi mengekalkan Undang² dan keamanan dan keselamatan di-sana, ada satu perkara pentafsiran tentang chara-nya melakukan tugas menjaga keamanan dan keselamatan itu, mungkin dalam melaksanakan pentafsiran itu akan menimbulkan pertentangan di-antara tentera² Bangsa² Bersatu dengan Kerajaan Pusat yang tentera² kita juga akan terlibat sama dalam satu² perkara, jika kita tidak mengadakan satu jaminan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kenapa kita membawa pindaan daripada 600 orang lebih tentera yang hendak di-kiriskan itu supaya di-kiriskan hanya 250 orang sahaja. Dalam satu kenyataan akhbar yang dapat saya baca baharu² ini, ada-lah menunjukkan bahawa pasukan tentera Pertubuhan Bangsa² Bersatu, yang sekarang ini sedang berkhidmat di-negeri Congo itu telah meningkat jumlah 13 ribu orang yang tugas-nya itu untuk mengembalikan keamanan negara Congo itu sendiri. Dan saya perchaya 13 ribu jumlah itu; itu baharu sa-takat beberapa hari sahaja dan mungkin dalam sa-hari dua ini jumlah itu akan bertambah. Ia itu-lah mana² negeri yang di-jemput atau di-panggil maka negeri² itu terikat juga-lah dengan Article 43 dalam Charter Bangsa² Bersatu itu, mereka tentu-lah mengiriskan tentera²-nya di-sana seperti juga Persekutuan Tanah Melayu mengiriskan tentera²-nya di-sana. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-mata² untuk menjaga keamanan dan keselamatan negeri Congo, dengan jumlah 13 ribu orang yang nanti akan di-champur dengan beberapa ribu orang lagi dari beberapa

buah negeri termasuk-lah Persekutuan Tanah Melayu. 250 orang itu mithalnya, saya rasa, jumlah itu sudah cukup bagi menjaga keamanan.

Ada sa-orang Menteri mengatakan berkenaan dengan bilangan tentera Persekutuan, kata-nya: biar-lah bilangan tentera kita itu boleh melakukan sa-suatu yang ada ma'ana. Yang sa-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, 250 orang ini atau pun katakan-lah 600 atau 700 orang lebih, tentera yang berjumlah sedemikian tidak dapat berdiri dengan sendiri-nya, tidak boleh membuat apa² dalam erti kata 250 orang atau pun 700 orang. Tetapi ia bersifat sa-bagai tambahan pada bilangan yang telah sedia ada maka jika sakira-nya sifat sa-bagai tambahan pada bilangan yang telah ada dalam satu tentera—anggota United Nations yang besar itu maka tentu ma'ana-nya besar. Apa lagi memandangkan kepada kedudukan negeri kita ini yang maseh lagi menggunakan tentera Commonwealth.

Sa-perkara lagi, Menteri Muda dalam Negeri ada menyatakan tadi yang mana kata-nya memang benar pada masa mula²-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menetapkan hendak menghantarkan 250 orang, kemudian naik 450 orang, seterusnya naik 600 orang lebih. Ini kata-nya, oleh kerana keadaan di-Congo itu sudah berubah dan menghendaki tambahan lagi. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah chara menambahkan pengirisan tentera Malaya ka-Congo itu di-asaskan kepada keadaan yang berlaku di-Congo, saya bimbang kalau² keadaan di-Congo itu, barangkali 5 kali ganda lebih burok pada hari ini harus 5 battalion tentera Tanah Melayu ini akan di-hantar kasana! Kalau itu-lah yang menjadi alasan atau hujah-nya, maka habis-lah tentera kita Persekutuan Tanah Melayu ini, tetapi tentu tidak mungkin berlaku demikian.

Tadi Menteri Muda dalam Negeri telah memberikan hujah-nya, kata-nya: menghantar tentera ka-Congo itu tak boleh di-samakan seperti menghantar Pak² Lebai pergi kenduri. Saya pun aku², Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Kata-nya, kalau sa-perti main bola sepak sekali pun mesti-lah cukup captain, mesti cukup 11 orang dan ada

pula 5-6 orang sa-bagai reserve. Saya kata pun tidak saperti ini, sebab menghantar tentera ka-Congo bukan-lah saperti menghantar perlawanan bola sepak mesti chukop team, kalau kita 11 orang sana pun 11 orang juga—sana ada reserve, kita pun ada reserve. Tak kan-lah menghantar satu pasukan Kuala Lumpur pergi berlawan dengan Singapura kita mengerahkan beribu² penyokong untuk melihat dan membeli tiket di-sana, tak sama saperti itu, Tuan Yang di-Pertua. Hendak melengkapkan satu Pasukan Bersenjata Persekutuan Tanah Melayu bagi mengawal keamanan di-Congo dengan nama Persekutuan Tanah Melayu tak mungkin, walau pun di-hantar satu ribu orang tak akan timbol nama Persekutuan Tanah Melayu, tetapi menghantar, menghantar pasukan tentera kapada sa-sabua negeri ia-lah sa-bagai satu tanda penyertaan dan sokongan kapada keputusan Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu ada-lah memberi ma'ana yang besar—Malaya mengambil bahagian sama dalam menghantarkan tentera-nya ka-sana.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan saya ada peluang berchakap di-sini dan saya hendak menyebutkan bahawa dalam masa Yang Berhormat Perdana Menteri menerangkan penjelasan-nya dengan panjang lebar tadi di-mana kata-nya tentera² kita akan berasa kechewa, kalau tak di-izinkan pergi ka-sana; walau pun ada bahaya yang mungkin berlaku. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, soal perasaan tidak-lah boleh di-jadikan asas perhimpunan kita dalam mengirinkan tentera² itu. Saya rasa soal ada-kah tentera kita berasa kechewa, kalau tidak di-hantar ka-sana, walau pun ada bahaya, atau pun adakah tentera kita akan berasa gentar hati oleh sebab di-hantar ka-sana, itu bukan menjadi asas hujah kita bagi menentukan jumlah bilangan tentera yang di-hantar keluar negeri.

Saya rasa chukup-lah sa-bagai pandangan dari pehak saya bagi menguatkan hujah² tentang betapa perlu-nya usul ini di-pinda dan sa-belum saya dudok perlu saya mengatakan lagi bahawa pindaan ini bukan-lah mengurangkan mertabat chadangan asal.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ada-lah menyokong pindaan yang di-kemukakan oleh sahabat saya dari Besut. Saya berharap dalam perbahathan yang ada di-hadapan kita ini orang yang berpenyakit *high blood pressure* tak usah-lah berchakap, sebab, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan menimbulkan lain ma'ana. Soal yang kita hadapi sekarang ini ia-lah satu masaalah yang akan mengenai anak² dan keluarga kita, ra'ayat negeri ini sendiri yang akan kita hantarkan ka-luar negeri di-atas nama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan yang terlibat di-dalam-nya semua kita yang berada dalam negeri ini sama ada kita bagi pehak Kerajaan atau pun pehak pembangkang.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri ka-dalam Dewan ini yang di-panggil dengan serta-merta bersidang, ia-lah oleh kerana memandang bahawa perkara ini ada-lah perkara yang penting dan mustahak di-ketahui dan di-bahatkan serta di-timbangkan dengan sehalus²-nya oleh wakil² ra'ayat dalam Dewan Parlimen ini supaya jangan-lah menjadi satu sesalan di-belakang hari manakala terjadi sa-suatu yang mungkin menimbulkan sesalan kita di-belakang hari kelak. Maka kalau-lah kita mengikut apa yang di-sebutkan oleh sa-orang anggota dari pehak Kerajaan mengatakan bahawa ini akan menyinggong perasaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menjadi Panglima Agong Tentera kita ini, rasa saya tidak-lah perlu masaalah ini di-bawa dalam Dewan ini.

Tetapi saya perchaya tujuan Yang Berhormat Perdana Menteri mengemukakan soal ini ia-lah supaya dapat kita bahatkan, dengan semasak²-nya dan "*high blood pressure*" yang ada pada beberapa orang ahli Dewan ini ketepikan-lah dan ketepikan-lah soal hendak tekan menekan di-antara satu sama lain. Sebab yang akan pergi itu saperti yang saya katakan tadi pertamanya, mungkin anak dan saudara saya, dan mungkin anak dan saudara tuan² di-sabelah sana. Jadi masaalah ini ada-lah satu masaalah yang penting.

Oleh memandangkan perkara ini masalah penting, dan sa-telah di-fikirkan, di-pandang dan di-bahathkan kapada usul pertama yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, maka terdapat-lah di-dalam-nya bahawa penghantaran anak² kita atau tentera² Malaya ka-Congo itu tidak mendapat satu jaminan yang boleh memberi kepuasan hati, terutama sa-kali kapada mereka yang berkaitan dengan tentera yang pergi itu. Apa yang saya maksudkan: sa-sedeh² kita berchakap—sa-susah² hati kita beruchap, tetapi anak isteri mereka sudah sa-bulan lama-nya mengeluarkan ayer mata kerana akan berpisah dengan suami-nya, dan tidak tahu apa yang akan terjadi kapada suami-nya, ini juga anak kita, ini juga keluarga kita, yang mesti kita fikirkan dengan sa-dingin² kepala dan dengan sa-tulus² dan sa-ikhlas²-nya apa-kah yang akan jadi kapada mereka.

Maka Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu walau pun tahu dan membaca bahawa kita akan meletakkan tentera kita di-bawah penguasaan Bangsa² Bersatu. Sa-bagaimana yang kita ma'alum walau pun ada sa-orang Menteri Muda mengatakan tadi, tentera kita yang di-hantar ka-Congo itu akan jadi tentera Congo-lah dan "tidak," kata-nya, jadi tentera bersekutu-lah—saya pun tidak mengerti, chakap-nya dan saya tidak faham hujong pangkal-nya. Tetapi menurut faham saya, tentera yang akan kita hantar itu ia-lah di-bawah tadbir Bangsa² Bersatu, dan PAS., pada asas-nya bersetuju. Tetapi kami mahu supaya anak² kami ini di-beri jaminan, chara penjaminan ini yang pertama, kami menuntut dalam pindaan ini dengan terang supaya Kerajaan mengambil langkah dan usaha bagi mengadakan jaminan bahawa Pasokan Angkatan Bersenjata Persekutuan itu tidak di-gunakan sama sa-kali bagi mencherobohi Republic Congo. Apakah maksud dengan ayat itu? Tentu-lah kita tahu bahawa dalam Republic Congo sekarang ini berlaku perampasan kuasa daripada sa'at ka-sa'at, daripada jam ka-jam dan daripada satu masa ka-satu masa, dan dengan pergi-nya tentera kita ka-sana—baik Lumumba atau siapa lagi yang akan jadi Perdana Menteri-nya—bagi tentera kita hendak-lah tidak merosakkan sama sa-kali atau

mencherobohi sama sa-kali kedaulatan Republic Congo. Dan Kalau sa-kiranya, Tuan Yang di-Pertua, terdapat-lah suatu hal yang saperti ini—"Oh!" kata sahabat saya, mana boleh jadi—dan tidak boleh jadi kata-nya. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa manusia yang ada di-Congo itu bukan Tuhan atau Malaikat yang selalu-nya "ma'sum" daripada pekerjaan yang saperti itu. Kita tahu mereka itu manusia yang bernafsu, manusia yang ingin melakukan sa-suatu dengan tangan orang lain menampar muka orang lain. Maka jangan-lah ada suatu kuasa yang lain menggunakan tangan tentera kita menampar muka orang lain dan dengan sebab itu terlibat-lah anak² dan askar kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi, kita tidak mahu, dan apalah salah-nya Kerajaan sendiri menyetujui bahawa kita tidak bersetuju askar yang akan kita hantarkan ka-Congo itu untuk menjahanam, mengechiwakan atau pun mencherobohi kedaulatan Republic Congo. Yang Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri² yang berchakap tadi mengatakan sama sa-kali tidak kata-nya bahkan itu sudah ada dalam "Command Paper" kita. Kalau ada. Ya, kenapa tidak boleh di-terima supaya menyenangkan hati ra'ayat negeri ini, terutama sa-kali hati isteri² yang akan melepaskan suami-nya ka-Congo pada 4 haribulan yang akan datang ini? Ini bermasalah bahawa pendapat Kerajaan ada-lah sama dengan pendapat Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dalam masalah ini ia-itu tentera kita tidak akan mencherobohi kedaulatan satu bangsa yang tentera kita akan pergi itu, sama, dan mendapat satu persesuaian bahawa kita duduk di-bawah Bangsa² Bersatu, tugas kita ia-lah memberi keamanan, pendapat kita sama; tidak ada—berlainan faham dalam masalah ini.

Apa yang kami harapkan ia-lah supaya usul Yang Berhormat Perdana Menteri ini di-tegaskan—di-beri pene-gasan yang menjadi tanggung jawab kapada Kerajaan negeri ini sendiri. Dan kalau sa-kali Dewan ini boleh membenarkan bahawa tentera kita di-hantar ka-Congo, akan timbul-lah beberapa kali masalah tentera kita

ka-Congo di-mana kita akan bahathkan daripada satu masa ka-satu masa, hantarkan-lah dahulu 250 orang sahaja, dan kalau tidak cukup yang kami usulkan ini, hantar-lah 3 battalion lagi kalau mustahak untuk keamanan di-Congo, kita bersedia memberi-nya. Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama.

Yang kedua, yang kami sebutkan ia-itu Kerajaan kita mesti-lah memberi jaminan bahawa tentera kita tidak akan di-salah gunakan, Kerajaan misti memasang mata dan telinga di-Congo. Yang Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan kita akan menghantar 2 orang daripada Film Unit dan 2 orang daripada Radio Malaya, ini adalah menjadi mata² kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-jauh mana tentera itu telah di-gunakan di-bawah penguasaan Bangsa² Bersatu. Kalau terjadi-lah sa-suatu yang mengatakan bahawa tentera itu telah di-salah gunakan, maka di-minta Yang Berhormat Perdana Menteri dengan serta merta menarek balek tentera kita yang ada di-sana, dan kita tidak mahu tentera kita di-gunakan untuk kepentingan sa-suatu yang akan menimbulkan salah faham di-mata International. Tuan Yang di-Pertua, ada pun masaalah yang kedua ia-lah kita tidak mahu tentera² kita ini terlibat dalam sa-barang bloc. Bahawa kita tahu sekarang ini masaalah Congo sudah demikian rupa bentok-nya ia-lah oleh kerana di-belakang mereka itu ada bloc², yang masing² itu hendak meletakkan kehendak dan chita²-nya di-situ, sama ada bloc kapitalis, kominis atau apa lagi nama-nya. Oleh itu menurut fahaman saya negara yang paling mudah di-peralat ia-lah negara yang maseh muda mendapat kemerdekaan—mudah di-peralat, di-chuchok sana sini, dan mudah melompat², Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya menerangkan perkara ini dari segi usul yang kami kemukakan sa-bagai pindaan, tetapi saya minta-lah Menteri², terutama Yang Berhormat Menteri Muda (Penerangan dan Siaran Radio) itu sabar sedikit mendengar-nya, jangan selalu buat kachau. Tuan Yang di-Pertua, maka soal bloc itu sudah terang—terang benar, bahawa di-sana itu ada

bloc², dan kita tidak mahu, kita di-peralatkan oleh sa-barang bloc, kita di-peralatkan oleh sa-barang kuasa yang menchari kepentingan-nya di-situ—kami tidak mahu malahan, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu sehingga menghinakan orang Congo itu sendiri. Kita tidak mahu sa-bagaimana yang berlaku baharu² ini saya mendengar dalam siaran Radio. Tuan Yang di-Pertua, patut saya menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio kepada suatu siaran yang baharu² ini telah di-buat oleh "Ismail Bontak dan rakan²-nya" di-Radio Malaya dengan memanggil segala askar² yang hendak pergi ka-Congo. Dia kata, "Awak apa nama, mari dari mana. Oh, golo dek eh." Sa-sudah itu, apa macham Congo? Congo kata Ismail Bontak, "Orang²-nya, 'kobis²-nya kalau di-bawa nampak gigi sahaja" (*Ketawa*). Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio (*Interruption*) patut-lah memandang supaya dia tahu menghormati satu bangsa yang baharu merdeka yang tentera kita akan pergi ka-sana mempertahankan kedaulatan-nya, dan tidak mencherobohi kedaulatan-nya. Perkara ini patut-lah dia besarkan telinga-nya sedikit, besarkan mata-nya sedikit supaya kaki-tangan di-situ jangan menggunakan chakap² yang menghina di-antara bangsa Asia dan Afrika. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah yang menjadi pokok. Rasa-nya yang kami kemukakan ini halal—halal benar. Yang pertama, meminta Kerajaan beri jaminan—nyawa anak² kita mesti di-beri jaminan, kami tidak mahu anak dan tentera kita itu saperti satu kumpulan kambing di-bawa, di-seret, kemudian di-sembeleh—kami tidak mahu, kami mahu supaya ka-mana jua tentera kita pergi hendak-lah sa-bagai satu bangsa yang merdeka, dan menjadi tentera yang merdeka daripada sa-buah negara yang merdeka, kita sa-bagai negara yang merdeka, patut-lah kita pandai menjaga kedudukan askar kita. Jangan-lah hanya seronok dengan menghantar 1,000 orang tentera—yang akan menangis bukan kita, tetapi yang akan menangis itu anak isteri mereka yang

sekarang ini bertempiran, entah dimana dudok-nya. Tuan Yang di-Pertua, kapada mereka ini-lah yang patut kita memberi jaminan, kapada mereka ini-lah kita menggosok²kan belakang-nya, menggosok²kan kepala-nya—Wahai! Puan² yang di-tinggalkan oleh suami-nya bahawa suami puan² yang pergi itu dengan jaminan Kerajaan (*Interruption*).

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, 250 orang tentera menurut pindaan ini, saya rasa sudah banyak sahabat saya berchakap dalam hal ini, dan saya rasa halal. Sebab, kalau kita hendak menghantar askar, mula² sekali hantar-lah 250 orang dahulu dan dudok sa-bulan di-sana, bagaimana kedudokkan dan pergolakkan politik di-Congo; sa-kira-nya sesuai dengan apa yang kita katakan ia-itu menjamin kedaulatan, tidak mengusek sa-barang orang dan tidak masok sa-barang bloc dengan itu kita boleh hantar 250 orang lagi. Tuan Yang di-Pertua, ini belum sampai waktu dan peringkat pertama angka yang sesuai dengan yang dimaksudkan ia-lah 250 orang. Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah pada pehak Kerajaan supaya memandangkan masaalah ini bukan-lah masaalah Pembangkang (*Opposition*) tetapi ini masaalah kebangsaan (*national*) dan kami kemukakan ini sa-mata² kerana kepentingan *national*, kepentingan anak² kita di-negeri ini sendiri. Dan pada masa yang akan datang jangan-lah timbul bahawa Dewan ini akan dikutoki oleh anak isteri mereka, bahawa mereka yang dudok di-sini telah bertanggung jawab mengorbankan suami dan ayah mereka itu dengan tidak ada sa-barang jaminan yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Ini-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Sitting suspended at 4.09 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

Mr. Speaker: The debate on the amendment to the original motion will resume.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr. Speaker, Sir, on a point of order under Standing Order 40 (1).

As the debate on this amendment has taken up quite a lot of time and as there are others who would like to speak on the original motion, I propose that the question on the amendment be now put.

Mr. Speaker: Berapa orang lagi yang hendak berchakap atas amendment ini

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: (*rises*)

Mr. Speaker: Sa-orang sahaja! Kalau pendek saya benarkan. Jangan panjang²kan apa yang telah di-cheritakan. Saya kalau orang perempuan tu saya kasehan juga (*Ketawa*). Tolong pendekkan sebab kita hendak balek kapada original motion.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Rupa-nya ada juga timbang rasa Tuan Yang di-Pertua kapada wanita

Mr. Speaker: Itu tinggalkan-lah dahulu (*Ketawa*).

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan ia-itu chadangan pindaan daripada pehak kami (P.M.I.P.) yang di-tambah di-belakang "titik" itu:

"Dengan syarat bahawa Kerajaan mengambil langkah dan usaha bagi mengadakan jaminan bahawa Pasukan Angkatan Bersenjata Persekutuan itu tidak di-gunakan sama sa-kali bagi mencherobohi kedaulatan Republic Congo sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka, dan tidak di-peralatkan atau terlibat dalam pertarongan di-antara bloc Russia, bloc Amerika dan kuasa² barat.

Dan dengan syarat bahawa bilangan² anggota pasukan itu di-kurangkan menjadi hanya 250 orang sahaja."

Tuan Yang di-Pertua, pehak P.M.I.P. mengadakan pindaan ini dengan memikirkan sa-halus²-nya supaya tentera² kita yang di-kirim ka-Congo itu dapat jaminan untuk keselamatan mereka dan supaya pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini berdiri betul² dengan sa-chara neutral. Tetapi, saya merasa hairan dan 'ajaib sa-kali, kenapa Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar tadi dengan chara suara yang keras, dengan chara merah rupa muka-nya mengatakkan bahawa segala hujah² dari pehak

kami (pehak pembangkang) ada-lah semua-nya itu sama dengan hujah² yang di-keluarkan oleh Krushchev . . .

AN HONOURABLE MEMBER: Betul!

Che' Khadijah binti Mohamed

Sidek: tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah terang supaya pehak tentera kita jangan terpengaruh atau terlibat ka-dalam bloc Russia. Bererti kita tidak mahu kapada Krushchev, dan juga jangan terlibat ka-Amerika, kita tidak mahu pro-Eisenhower dan kuasa² barat. Kalau tuduhan yang di-limparkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda itu menyatakan kami dari pehak yang mengusulkan pindaan ini ia-itu hujah² kami sama betul dengan Krushchev, yang bererti kami ada-lah kakitangan daripada Krushchev dalam Dewan ini. Sa-kira-nya begitu—kerana bloc ini ada tiga. Bloc Russia, Amerika dan kuasa² barat. Kalau kami di-tudoh bloc Russia, pro-Krushchev, maka dengan tidak samar, sudah tentu dan terang—terang bak siang, Tuan Yang di-Pertua, pehak yang menudoh kami itu ada-lah pro-Eisenhower (Amerika Sharikat) dan juga kuasa² barat (*Tepok*) . . .

Tuan Haji Abdul Khalid: We are pro-United Nations.

Che' Khadijah binti Mohamed

Sidek: kalau sa-kira-nya pro-United Nations, Tuan Yang di-Pertua, maka berdiri-lah dengan neutral, tidak ada tuduhan terhadap kapada Russia, tidak ada tuduhan terhadap kapada kuasa² barat dan tidak ada tuduhan terhadap Amerika, dan terima-lah pindaan kami ini berdiri di-atas neutral. Dan, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kata Yang Berhormat Perdana Menteri tadi tentera² kita akan merasa kechiwa kalau sa-kira-nya di-tarek balek pengirimn tentera kita ka-Congo. Memang, barangkali pemuda² kita sudah penoh dengan semangat memperlihat-kan ia-itu Kerajaan kita yang muda, yang baharu merdeka juga dapat mengirinkan tentera²-nya sa-bagai tentera Bangsa² Bersatu untuk memper-tahankan keadaan di-Congo itu. Tetapi sa-balek-nya, sa-bahagian besar juga barangkali daripada tentera² kita itu yang merasa kechemasan kalau dia

di-hantar ka-Congo, dan anak isteri-nya meratap dan menangis sa-hingga-kan barangkali kalau kita siasat keluarga² daripada pemuda² yang kita hantar itu pada hari ini, maka ibu-bapa dan anak isteri mereka itu dengan tidak berhenti² menguraikan ayer mata, berdo'a kapada Tuhan sa-kira-nya ta' jadi-lah suami atau anak-nya di-hantar ka-Congo, maka mereka barangkali akan membakar kemenyan dan akan berdo'a di-rumah-nya, Tuan Yang di-Pertua (*Interruption*) sebab ada di-antara orang² kampong, saya dengar baharu hari ini dari Kuala Lumpur yang mengatakan tentera² kita yang di-hantar ka-Congo itu chukup dengan Bilal dan chukup dengan kain puteh, sa-akan² mereka melepaskan anak-nya menghadapi pintu maut. Ini, Tuan Yang di-Pertua, harus juga di-timbangkan. Ini bukan bererti kita lemah semangat, ini bukan bererti kita mahu melemahkan jiwa pemuda kita. Kami membuat pindaan ini memikirkan dengan sa-dalam²-nya, kita tidak mahu membuang tenaga anak dan tentera² dari Persekutuan Tanah Melayu ini. Hendak dan biar-lah kalau sa-kira-nya kami mengemukakan 250 orang di-sini ia-itu yang kita perlukan sekarang bukan kerana berapa banyak jumlah anak kita di-hantar ka-Congo, tetapi kita mahu yang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ada menghantarkan tentera-nya ka-Congo; itu yang kami perlukan, Tuan Yang di-Pertua, jadi tidak bergantung kapada jumlah-nya. Oleh sebab sudah menasabah dan patut, mula² ini kita hantar 250 orang dahulu ka-Congo, jadi hendak-lah 613 orang itu kita kurangkan, tetapkan jadi 250 orang.

Oleh sebab itu, saya sa-bagai ibu merasa bagaimana jiwa isteri² dan ibu² yang akan di-tinggalkan oleh anak dan yang akan di-tinggalkan oleh suami-nya itu. Maka saya di-sini, Tuan Yang di-Pertua, menegaskan ia-itu menyokong dengan penoh supaya pindaan ini diterima dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-takat inilah sahaja.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya ia-lah akan menjawab dengan sepenoh²-nya apabila

sampai kepada usul yang asal itu, tetapi saya suka hendak beri keterangan sedikit di-atas pindaan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Menurut pindaan-nya itu supaya kita tidak akan mencherobohi kedaulatan Republic Congo sa-bagai sa-buah negara yang baharu merdeka dan tidak di-peralatkan dan terlibat dalam pertarongan di-antara blok Russia dan blok Amerika dan kuasa² barat dengan syarat bahawa bilangan anggota pasukan itu di-kurangkan menjadi 250 orang. Dengan ucapan yang panjang lebar pada pagi tadi sa-bagaimana telah saya terangkan bahawa tujuan kita bukan-lah hendak masuk di-mana² blok, tetapi oleh kerana kita di-jemput oleh United Nations bagi menjaga keamanan negeri itu supaya perkara² yang berselisih dalam Congo yang sedang berbangkit menjadi krisis itu boleh di-selesaikan.

Sakira-nya United Nations Force tidak menjaga keamanan itu bila² masa pun hal² krisis itu tak boleh selesai. Oleh kerana itu, ada-lah di-minta mana² negeri yang menjadi anggota United Nations supaya di-hantar terus pergi ka-sana. Bukan-lah tujuan kita hendak mencherobohi kedaulatan itu sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi ia-itu tujuan kita yang besar ia-lah hendak menjaga kedaulatan, keselamatan negeri yang baharu merdeka itu. Jika sakira-nya United Nations berkehendakkan askar² kita—hendak memerehntah, hendak bermahrajalela di-situ, maka sudah tentu kita tidak akan hantarkan tentera kita di-sana, dan bagitu juga kalau sakira-nya ada apa² yang berbangkit dengan tidak menurut sa-bagaimana janji United Nations maka bila² masa pun kita boleh menarek balek askar² kita di-United Nations sa-bagaimana yang di-lakukan oleh United Arab Republic telah menarek askar²-nya atau berchadang hendak menarek askar²-nya, dan bagitu juga Ghana hendak menarek askar²-nya di-situ.

Sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sa-tengah Ahli² Yang Berhormat menerangkan fasal apa hendak di-pakai Asian Troops sahaja, apa sebab tak digunakan troops yang lain—ini barangkali muslihat United Nations, saya

fikir ini satu sangkaan yang tak baik, kerana kalau tuan² hendak tahu dengan sa-benar-nya troops yang ada di-sana itu boleh saya terangkan seperti dibawah ini:

Ethiopia	...	...	...	2,560
Ghana	...	...	...	2,390
Guinea	...	...	...	740
Ireland	...	...	...	1,370
Libria	...	...	...	220
Mali	...	...	...	570
Morocco	...	...	...	3,220
Sudan	...	...	...	390
Sweden	...	...	...	580
Tunisia	...	...	...	2,640
United Arab Republic	...	...	...	510

dan Indonesia yang barangkali terkandung satu ribu orang tentera yang belum di-hantar lagi. Oleh itu, jaminan² yang di-kehendaki itu tentu-lah ada. Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi bahawa dalam United Nations troops itu tidak boleh di-gunakan bagi masuk champor dalam hal ehwal negeri itu, atau pun di-gunakan untuk menyebelah mana² pihak. Sa-lain daripada itu ada pula General Principles Guiding Operations bagi troops dalam United Nations yang kita telah pun terima. Dalam guidance itu ada di-sebutkan, dan saya hendak bachakan dalam bahasa Inggeris kerana ini di-tulis dalam bahasa Inggeris, takut kalau di-terjemahkan nanti barangkali boleh tertinggal mana² perkataan dan boleh berbangkit salah faham pula. Perkaataan-nya:

- “(1) Operation must be separate and distinct from activities by any national authorities including the host-Governments or other Governments.
- (2) United Nations Force cannot become parties to internal conflicts and cannot therefore be used to enforce specific political solution.
- (3) Loyalty of United Nations Force personnel must be to the United Nations only thus ensuring international character.

- (4) Units are prohibited from initiating the use of armed forces though entitled to act in self-defence."

This is from the General Principles Guiding Operations of United Nations Force in the Congo. Ini-lah assurance yang kita dapat. Jadi dengan hal yang demikian tidak ada sebab-nya yang kita hendak shak atau tak percaya di atas kejujuran United Nations.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan di-sini ia-itu kita sa-bagai sa-buah negeri yang kecil dan sa-bagai sa-buah negeri yang kecil memang-lah kena bergantung kepada United Nations, kalau tidak ada United Nations sudah tentu nyawa kita pun tak tentu bila hendak ada atau bila tak ada. Dengan kerana itu-lah boleh dikatakan bahawa sa-bagai sa-buah negeri yang kecil ini memang sudah selayak-nya-lah memberi sokongan yang kuat kepada United Nations. Sa-bagaimana yang saya katakan tadi orang² muda yang hendak pergi itu memang suka hendak pergi dan anak saya sendiri pun akan pergi juga semacam anak² orang lain juga. (*Tepok*). Mereka tentu merasa megah dan bangga kerana ini-lah pertama kali-nya sa-bagai sa-buah negeri yang muda yang mempunyai kepercha-yaan penuh daripada dunia luar dengan mana dapat di-jemput saumpama itu, bukan sahaja 613 orang ini yang akan pergi bahkan yang lain² pun ada meminta hendak pergi juga.

Hantaran kita sa-ramai 613 orang ini ada-lah berma'ana satu unit, jikalau kurang daripada itu tidak-lah berma'ana—ya'ani tidak chukop kekuatan yang hendak di-hantar pergi ka-luar negeri, kerana dalam unit itu ada motor-car, ada reconnaissance dan ada berbagai² lagi yang akan beri chukop dengan unit sa-ramai 613 orang itu.

Sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sa-tengah Ahli² tadi mengatakan mula² mereka dengar dalam akhbar² hendak menghantar sa-ramai 250 orang lebeh, kemudian naik sedikit dan naik lebeh lagi. Yang sa-benar-nya mereka itu agak sahaja, tetapi bukan-lah satu khabar yang keluar sechra resmi daripada Kerajaan, kerana pada masa Kerajaan sebutkan yang Kerajaan

hendak menghantar troops itu Kerajaan tak tahu yang sa-benar-nya berapa ramai yang hendak di-hantar untuk menchukopi satu unit. Sa-lepas mendapat nasehat daripada pihak tentera maka baharu-lah kita tahu yang sepatut-nya di-hantarkan sa-bagai satu unit ia-itu mengandongi sa-ramai 613 orang. Itu-lah sebab-nya yang kita hendak hantarkan sa-ramai itu, dan sa-bagai warga negara Persekutuan Tanah Melayu patut-lah kita berasa bangga di-mana perkakas² yang di-bawa itu semua-nya menchukopi. Yang kita hantarkan itu bukan sahaja untuk makanan malah kalau takdir Allah subhanahu wata'ala untuk *kain kapan* pun terpaksa kita bawa juga. Oleh itu, jangan-lah hendak-nya kita hantarkan troops kita itu dengan tak chukop sempurna atau tak chukop perkakas, kerana Tanah Melayu ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi ia-lah sa-buah negeri yang mengambil timbangan yang berat di-atas kedaulatan negeri kita.

Saya rasa tidak payah-lah Ahli² Yang Berhormat berasa bimbang yang kita ada assurance—yang kita ini hendak champor di-atas kedaulatan negeri orang, kerana kita berpegang dengan sunggoh² kedaulatan tiap² satu negeri walau sekecil mana sekali pun negeri itu.

Mr. Speaker: Ada-lah masaalah di-hadapan Majlis ini ia-itu satu pindaan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut dengan "di-tambah" perkataan² di-bawah sa-lepas daripada "membuang titik" di-akhir-nya. Bunyi-nya:

"dengan syarat bahawa Kerajaan mengambil langkah² dan usaha² bagi mengadakan jaminan² bahawa Pasokan² Angkatan Bersenjata Persekutuan itu tidak di-gunakan sama sekali bagi mencherobohi kedaulatan Republik Kongo sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan tidak di-peralatkan dan terlibat di-dalam pertarongan di-antara belok Russia dan belok Amerika dan Kuasa² Barat dan dengan syarat bahawa bilangan anggota Pasokan² itu di-kurangkan menjadi hanya 250 orang sahaja."

Amendment put, and negatived.

Mr. Speaker: Sekarang kita balek semula kepada usul yang asal.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya berchadang hendak membawa usul

tambahan ia-itu tambahan kepada usul yang asal ini, tetapi kerana memandang waktu maka saya hanya berchakap di-atas usul asal ini sahaja. Perdana Menteri dalam mengemukakan usulnya itu telah berchakap terlalu panjang. Di-antara lain² Perdana Menteri menyentoh satu chadangan yang mengusulkan beliau supaya pergi ka-United Nations bagi mengetuai perwakilan Malaya ka-Bangsa² Bersatu dan oleh kerana usul ini datang-nya daripada saya, maka Perdana Menteri telah mengatakan di-sini:

"But let it be clearly understood that if I go to the United Nations I will never support the Communist group."

Tuan Yang di-Pertua, sa-waktu saya menchadangkan supaya Perdana Menteri kita pergi mengetuai perwakilan Malaya ka-United Nations itu bukanlah dengan maksud supaya Perdana Menteri kita ini menyokong blok Communist.

Saya tahu selama ini, kerana ini telah berulang² kali di-nyatakan oleh Menteri Luar Negeri dahulu, ia-itu dasar luar negeri Persekutuan Tanah Melayu ini ada-lah bersikap bebas. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan bahawa hampir semua negeri² besar menghantarkan Ketua Negara-nya masing² untuk menghadziri persidangan itu, maka saya kemukakan usul ini dengan maksud dan tujuan supaya perwakilan kita di-sana itu yang di-ketuai oleh sa-orang yang belum pun sampai kepada taraf kementerian, apa-kah salah-nya kalau Perdana Menteri kita sendiri mengetuai rombongan ini? Saya tidak ada maksud sama sekali menchadangkan supaya Perdana Menteri kita menyebelahi Communist blok, dan tidak sama sekali saya ingin menyetujui supaya Perdana Menteri menyebelahi blok Barat, tetapi dengan harapan supaya Perdana Menteri dapat mengatorkan perwakilan itu supaya tetap pendirian-nya yang bebas itu.

Sepanjang ucapan Perdana Menteri kita ini tidak ada ternyata pada saya apa-kah sikap Persekutuan Tanah Melayu ini terhadap Republic of Congo? Kita akan menghantarkan satu pasukan tentera yang berkhidmat ka-Congo untuk menjaga ketenteraman dan

keamanan di-sana. Kita akan menghantarkan tentera bukan sa-bagai tentera penduduk—*occupation forces*, tetapi sa-bagai satu pasukan tentera di-bawah tadbiran Bangsa² Bersatu untuk menjaga keamanan. Tuan Yang di-Pertua, memang terhadap usul ini tak ada di-antara kita yang akan membantah. Usul menghantarkan satu pasukan tentera kita ada-lah sesuai dengan kehendak Bangsa² Bersatu. Kalau kita akan menghantarkan 250 orang, 1,000 orang, atau 2,000 orang sa-bagai tanggung jawab kita kepada Bangsa² Bersatu—ia kita lakukan. Tetapi, apa yang ternyata dalam usul ini hanya meminta kita memberikan sepenoh² sokongan kalau menghantarkan tentera itu, tetapi dalam ucapan-nya yang panjang itu beliau tidak menyatakan apa-kah sikap Persekutuan Tanah Melayu yang sa-benar-nya terhadap Republic of Congo. Apa-kah Republic of Congo yang benar² di-aku² oleh Persekutuan Tanah Melayu? Apa-kah pengakuan kita dahulu kepada Republic of Congo itu sudah berubah?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Cmd. 43 bahagian 2 ada menerangkan:

" the Security Council's resolution of the 14th July, 1960, to the effect that the Secretary-General, in consultation with the Government of the Republic of the Congo should provide that Government with such military assistance as may be necessary"

Kalau pasukan tentera kita yang akan pergi ka-Congo itu benar² akan memenohi ketetapan Security Council ini—memang baik, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menghadapi kemungkinan, umpama-nya kalau berlaku sa-suatu yang di-luar dari maksud ketetapan ini. Kalau terkeluar daripada itu bagaimana-kah sikap kita? Alang-kah baik-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Perdana Menteri kita dapat menegaskan di-sini sikap Kerajaan Persekutuan yang sa-benar-nya sa-lain daripada menghantarkan tentera kita ka-Republic of Congo.

Saya berharap bahawa Perdana Menteri kita tentu tidak akan terkeluar atau tidak lari daripada apa yang pernah di-putuskan oleh beliau sendiri. Di-sini saya ingin menyatakan bahawa sa-waktu saya bertanya dalam Dewan ini dahulu, apa-kah Persekutuan

Tanah Melayu ini telah mengakui Republic of Congo? Perdana Menteri menjawab—"Sudah". Pada tanggal 30 hariulan June, Perdana Menteri kita telah menghantarkan satu perutusan yang berbunyi:

"The achievement of independence by your country is an important milestone in the progress of the people of the Republic of Congo. It is indeed a proud moment in the history of your country and a moment to be cherished and remembered not only by all Congolese but also by all those who have been fighting for freedom throughout the world. In this spirit of pride and happiness I extend to Your Excellency, the Government and the Republic of Congo the brotherly greetings and congratulations and the best wishes of the Government and the people of Malaya."

Tuan Yang di-Pertua, kalau Perdana Menteri kita dalam Dewan ini dapat sekali lagi mengakui bahawa ini adalah sa-bagai pengakuan beliau sekarang ini juga maka usul Perdana Menteri kita ini akan kita terima bulat², tetapi selagi belom ada ketentuan sikap Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini untuk menghantarkan pasokan tentera ka-sana di-bawah pimpinan Bangsa² Bersatu, maka akan timbul pertanyaan dari orang ramai untuk apa-kah tentera kita ini di-hantar ka-sana.

Kita mengakui Republic of Congo yang di-pimpin oleh Patrice Lumumba dan Perdana Menteri kita telah menghantar sa-puchok kawat kepada Perdana Menteri itu. Saya belom mendengar lagi sampai sekarang, apakah keputusan itu telah di-rombak kembali?

Saya ingin, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Perdana Menteri memberikan pengakuan-nya bahawa ini belum di-rombak. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai mana yang di-katakan pada bahagian 5, dalam Cmd. 43 ini:

"The Prime Minister, however, feels that in view of the importance of this mission and of the gravity of the tasks . . ."

Kita mengakui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keadaan Congo sekarang ini rumit sa-kali—timbul Tshombe, timbul Kalonji, timbul itu dan timbul ini (*Ketawa*). Apa-kah kita, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai pemerintah—sa-bagai Kerajaan akan terpengaruh oleh timbul-nya Kalonji ini?

(*Ketawa*) dan kalau kita akan terpengaruh—timbul Kalonji, kita sokong Kalonji, timbul Tshombe, kita sokong Tshombe dan timbul Mobutu, kita sokong Mobutu (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, tidak ada erti-nya sama sa-kali akan pengakuan kita terhadap Republic Congo itu. Apa yang harus kita insafi

Mr. Speaker: Nama yang di-sebutkan itu betul! (*Ketawa*).

Enche' Ahmad Boestamam: Betul, Tuan Yang di-Pertua, Mobutu, "u" hujung-nya. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Proceed!

Enche' Ahmad Boestamam: sampai pada sa'at sekarang ini telah timbul berbagai² manusia baharu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Republic Congo yang kita akui dahulu ada-lah Republic Congo yang di-pimpin oleh Patrice Lumumba—Republic Congo yang minta masuk ka-dalam United Nations Organisation. Kita boleh menghantar tentera sa-puluh ribu—sa-ratus ribu ka-sana. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Kerajaan—sa-bagai pemerintah, kita mesti tetap pengakuan kita kepada Patrice Lumumba walau pun apa jadi—hantar-lah sa-berapa banyak. Tuan Yang di-Pertua, mungkin berbagai² kejadian akan timbul, mungkin akan timbul kata²: Patrice Lumumba sekarang tidak mendapat sokongan, kerana timbul-nya manusia yang banyak itu tadi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 7 dan 8 September, Parlimen Congo bersidang (Dewan Senate-nya bersidang, Dewan Ra'ayat-nya bersidang). Kedua² Dewan ini mengambil kesimpulan—mengambil keputusan, sa-sudah Kasavubu meluchutkan jawatan Lumumba, dan sa-sudah Lumumba meluchutkan jawatan Kasavubu (*Ketawa*) sa-sudah ini semua, Parlimen Congo yang Dewan Senate-nya bersidang berasingan, dan Dewan Ra'ayat-nya bersidang berasingan memutuskan bahawa: Pemerintah yang di-akui oleh Parlimen Congo ia-lah pemerintah yang di-pimpin oleh Patrice Lumumba.

Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan ini sesuai dengan sikap kita itu dapat di-jelaskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dengan sa-jelas²-nya

kapada kita—memberi keyakinan kapada kita bahawa sekarang tidak ada bertukar kerana timbul-nya berbagai² manusia itu tadi. Bagi saya, usul Yang Berhormat Perdana Menteri ini, saya akan terima dengan sa-penoh-nya. Sa-kian.

Enche' Hussein bin To' Muda Hasan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan perasaan bertanggung jawab usul yang di-bawa oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ia-itu atas persetujuan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menghantar pasokan bersenjata-nya untuk berkhidmat di-Republic Congo di-bawah lambang Bangsa² Bersatu. Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja harus berterima kaseh kapada Bangsa² Bersatu kerana mengundang tentera Persekutuan Tanah Melayu menyumbangkan perkhidmatan-nya untuk mengamankan Congo, tetapi ini ada-lah satu penghormatan daripada Pertubohan Bangsa² Bersatu yang di-beri kapada negeri ini, kerana sumbangan-nya kapada keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sunggoh-nya memberi pujian yang sa-penoh-nya di-atas pilehan Kerajaan yang sangat kena pada tempat-nya itu, kerana sa-bahagian besar daripada pasokan tentera yang akan pergi berkhidmat ka-Congo itu ada-lah terdiri daripada perajurit² Askar Melayu di-Raja, yang pada satu masa dahulu dan hingga pada masa ini telah menaikkan nama baik orang dan Persekutuan Tanah Melayu ia-itu berkorban pada masa ini dan pada masa pechah-nya perang dunia yang kedua dahulu. Mereka itu menunjukkan ta'at setia perwira-nya kapada dunia, istimewanya, sa-telah Kerajaan Persekutuan mengistiharkan tamat-nya dharurat.

Saya yakin dan perchaya ia-itu semua askar yang akan berkhidmat di-Congo itu akan menunjukkan satu chontoh yang baik agar mendapat nama yang harum bagi negeri ini khas-nya, dan pada mata dunia 'am-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-buah negara yang muda yang baharu merdeka, kita telah menjalankan segala tugas dan ikhtiar kerana keamanan

dunia. Kita telah menentang penindasan yang tidak berperikemanusiaan, kita telah menentang perbezaan warna kulit antara bangsa dan kita menentang penjajahan. Kita telah menunjukkan ke'azaman kita ia-itu menggunakan dasar yang bebas, kita berjuang dan terus berjuang sa-hingga segala sekatan itu tidak ada lagi di-dunia ini.

Sekarang, kita di-minta oleh Pertubohan Bangsa² Bersatu menyumbangkan perkhidmatan kita kerana memuleh keamanan di-Congo. Ini bukan sahaja kita harus menerima, tetapi menjadi kewajipan kita sa-bagai keluarga Pertubohan Bangsa² Bersatu ia-itu membantu, menolong dan memberi perkhidmatan kita kapada Pertubohan Bangsa² Bersatu sa-lagi perkhidmatan kita di-kehendaki untuk keamanan dunia.

Sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian atas ucapan saya ini.

Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat): Mr. Speaker, Sir, I rise to support the motion of the Honourable the Prime Minister. As a member of the United Nations, Malaya has an obligation to fulfil. Indeed, it has also a vital role to play. When the Security Council of the United Nations resolved to take such action as is necessary to maintain and restore international peace and security in the Congo, it is natural that we must support the resolution. Mr. Speaker, Sir, the United Nations is an institution constituted with democratic principle at a time when the world appeared to have lost its sense of proportion. It has since then made tremendous progress in the achievement of its purposes.

As one of the youngest members of the international body, Malaya must show her vigorous support of its decision and exert her leadership by exercising a decisive influence in the just solution of the problems of humanity. Mr. Speaker, Sir, Article 43 of the United Nations Charter speaks very clearly of the obligation to be carried out by us. In the past few days we have read all the threats and criticism on the manner in which the United Nations handled the Congo

affair. This is well to be expected, Sir. In a democratic institution there is always room for a healthy opposition. In this world society it is sometimes difficult to reach unanimity in all problems, but the quality of the leadership is the ability to abide by the decision of the majority in accordance with the Charter. Those who could not find themselves agreeable to the majority and threatened the peace of the world should therefore be asked to leave the United Nations because they fail to observe what they profess to exercise, and they are the principles and ideals embodied in the preamble to the Charter. Mr. Speaker, Sir, we are proud that though a young member we are able to make immediate contributions towards world peace and security when called upon to do so.

In conclusion, I call for the unanimous support of the motion.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, my leader the Honourable Member for Setapak has dealt with the heart of the problem before us. I will touch on the problem also where he has not touched on it and generally with the speech of the Honourable Prime Minister.

I am unable to put my finger on that line in the Prime Minister's speech where he says he does not know what neutralism means or what to be neutral means. Now, Mr. Speaker, Sir, if our Prime Minister is a man who reads the newspapers (*Laughter*) and follows the world events, he will know what is happening in this world and just for his information I would like him to see page 3 of to-day's *Straits Times*—A Call by His Excellency Dr. Kwame Nkrumah. The call is that the neutralist States must form a third force in the United Nations. Now probably that will bring to the mind of the Honourable mover that there is such a thing as neutralist States, and in fact we can say that the salvation of mankind lies in the hands of these neutralist States, the uncommitted States which are neither committed to the West nor to the Communists.

Mr. Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister has said: let us not

indulge in the game of tightrope walking in the hope that we will get the best of both worlds. I think that this statement is quoted from one of those articles by western correspondents who usually write about independent minded people like the Prime Minister of Cambodia, Prince Shihanouk, about the Indian Prime Minister, and about the Prime Ministers of the other independent countries who do not tie themselves to either of the blocs but who are willing to accept aid from either in case they are willing to help. And this is termed as tightrope walking. I think it is a slander on these neutral States to call this tightrope walking. In fact, it is not a tightrope walking done to get aid from either bloc, but a tightrope walking done in order that the world may pass safely over this precipice of the hydrogen war. Today we find that the Prime Minister's speech has placed the Alliance Government in the band wagon of the banana republics which are in line with the United States of America. In future we will know, in case we want to find out what is the foreign policy of the Alliance Government, that we will no longer have to refer to the leaders of the Alliance Government here but can know about it from their headquarters in Washington.

Mr. Speaker, Sir, I will now come to the first page of the speech. In the third paragraph it reads:

"In view of Russia's interest in the affairs of the Congo anything might happen. For some countries, as a result of Russian influence, had thought fit to withdraw their forces from this area, leaving those forces only which are determined to discharge their obligations to the United Nations, which is to keep peace and order in that country."

This again, Sir, is a slur and slander upon countries like the United Arab Republic, Ghana and Guinea, which are situated in the same continent as the Congo, and which knew from their own people serving in the Congo what the Secretary-General had done. Russia is very far away from Africa, and it is a slur to say that it is Russia who dictates the policy of the United Arab Republic, dictates the policy of Guinea and dictates the policy of the Republic of Ghana, because these are

countries which are independent-minded, and they will stand dictation from no one. But, when they find something wrong, they will express themselves and not just quietly tolerate what is wrong.

On page 2, the Prime Minister says,

"We in Malaya cannot do what certain other countries have been doing—for one thing, one day they are the first to offer to go to the Congo, knowing full well the situation in that territory, and the task allotted to them by the United Nations, and the next moment, without rhyme or reason, without any change in either the general set up or the Command they are ready to pull out."

This again is a grave misunderstanding of the situation there on the part of the Prime Minister, because not only is there rhyme or reason for the action of countries like the United Arab Republic, Ghana and Guinea in threatening to pull out their troops but there is every reason in the world, and every self-respecting Government would have taken that action, because the United Nations was called in into the Congo by the legally constituted, or legally elected, Government of the Congo to preserve law and order and to assist the Government.

With that in view, to help their sister African nation, the United Arab Republic, Ghana and Guinea enthusiastically offered their assistance. But when they went there, what did they find? They found that the United Nations had become a tool in the hands of the Secretary-General to crush the very Government which had invited them there, and that the United Nations were being used to hold the hands of the Prime Minister of the Congo, Mr. Patrice Lumumba, to hold his hands while dissident elements were allowed to flout the authority of the Government. When such a thing happened, it is only logical that the Governments of the United Arab Republic, of Ghana and Guinea could not tolerate the humiliation of their sister country.

Now, we find on page 3, the Prime Minister has said:

"On the other hand, if Russia decides to send aid directly to the warring factions then something serious might occur, in which case

our troops will be ready to fight in order to uphold the resolution of the United Nations if called upon to do so."

Mr. Speaker, Sir, where is the Prime Minister's *bona fide*? Where is his *bona fide*? He goes there, he says he will fight, he says he will take part in a world war. Is that how you send your troops in that spirit saying that you will take part in a world conflagration? And what are you, how strong are you to take part in a world conflagration? Mr. Speaker, Sir, I think that any statement made by a Government, by the Leader of a Government, must have a sense of reality and must not be militaristic in its outlook, because that would destroy the very foundation of the purpose for which these troops are being sent. First, the Prime Minister says, "We do not want the Congo to become another Korea. We want the Congo to be a strong country, we want the Congo to assist her sister nations in Africa. We want the entire African Continent to be united and strong." But where is your sincerity when you say, "If the Russians do this, we will start another Korea there, we will fight them, we will start another world war." Where is your sincerity?

Sir, in the next paragraph of the speech, it is stated:

"We hope, however, that this will never happen, and that all that is needed of our troops and of other forces will be to preserve law and order until the situation has cleared up sufficiently for a properly constituted Government to be formed and the Congo is once again running with normality and success."

"... until the situation has cleared up sufficiently for a properly constituted Government to be formed"—that, on the part of the Prime Minister, is to be taken for granted that there is no Government—or no properly constituted Government in the Congo. That is an entirely false presumption and entirely without basis, because as the Honourable Member from Setapak has said, Mr. Patrice Lumumba got an overwhelming vote of confidence not only from Parliament but also from the Senate that would constitute a properly constituted Government. So we do not want any more talk

about there being no properly constituted Government, because that would allow certain people with designs upon the Congo to do what they like in the Congo, and I will say that the people with designs on the Congo are not the Russians but the people with vested interests, for instance, the Americans and the Belgians who want the uranium of the Congo for their atomic and hydrogen bombs.

Mr. Speaker: I will have to interrupt here. The House is to adjourn at six o'clock, and I must give a little time to the mover to reply if he likes to exercise his right. But if you go on like this, I think no other Members will have the chance at all to talk on this motion. There may be others who would like to take part in the debate. It seems from the way you are debating that you will go on until six, and that there will be no more chance for other people to partake in this debate.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, I am only touching on the important parts of the speech.

Mr. Speaker: Make it as short as possible.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, on page 5, the Honourable the Prime Minister advises:

"The Federation Government is convinced that Africa would do best not to allow herself to be dragged into the cold war now waged by the power blocs, and therefore prays that wisdom will prevail amongst the new African leaders."

This again, Sir, is a very hypocritical prayer and it comes from a Government which has no right to call upon others not to be attached to either bloc. Just a little earlier the same speech says that there is no such a thing as neutrality, there is no choice, as between communism and capitalism, and that the option of the Government is for capitalism. So, how can you, if you are a participant in the cold war, ask or call upon others to stay out of it?

Mr. Speaker, Sir, we find on page 7, references to Mr. Khrushchev, but that I think are only further skirmishes in the cold war. We also find references to ASAS and SEAFET. I understand SEAFET is dead now and that there

is only ASAS, but these again, I will say, are attractive clothings for the concept of SEATO.

Mr. Speaker, Sir, on page 11, the Prime Minister says:

"The Republic of the Congo, akin to us by way of the fact that she is but recently independent, must not be exposed in her tender years to the dangers of subversion as perpetrated by international Communism. Her new-found sovereignty must be protected from the perils of a novel but a more sinister type of colonialism and imperialism. In view of the strategic position of the Congo these influences could contaminate the rest of Africa and bring that vast continent to her knees in a shameful and tragic disaster which in her present state of development would be too ghastly to imagine."

Sir, it is my submission that it is only inside Malaya that the Alliance Government can arrest and detain people who are independent-minded and who have a free mind, but to go all the way to Africa and to say that the Africans will not have this type of Government, will not have that type of Government, will be this, will follow this ideology, will not follow that ideology, Mr. Speaker, Sir, is to invite a very strong rebuff from the Africans, because only the Africans can decide what Government they want, and, if the majority of the Africans decide that they want Communism, not even a hundred Prime Ministers in Malaya can prevent them from going communists! It is the desire of the people there, and what is subversion here may mean subversion from the Americans there.

I would like the Prime Minister not to imagine that sending our troops to the Congo is to indulge in a crusade against Communism; that is not the intention of sending the troops there and I hope that there will not be any ideological interference with the political choice of any form of government of the people of the Congo or any other country of Africa, because that is their business, and not the business of the Government of Malaya.

With regard to the remark about the speech made by His Excellency Mr. Patrice Lumumba on the occasion of the Independence of the Congo, which our Prime Minister thought was in bad taste and marred the occasion, I think

it was a superb declaration of the wishes of the people of his country. When Mr. Patrice Lumumba said that there were two laws in his land until today—one law for the white man and another for the black—he was speaking the truth, and he had a right to speak the truth. He was the Prime Minister of an independent country and it was up to him not to be frightened that the Western countries might not like what he said. He was a free man and he could speak what he liked.

Mr. Speaker, Sir, the Prime Minister has referred to the fact that this man called Tshombe had threatened to secede and to join the Rhodesias. The very fact that this man threatened to leave the Congo and go over to the Rhodesias, Mr. Speaker, Sir, probably he may be the only man, the only black African in the Congo, to go over to the Rhodesias, because any sane man in the Congo who says he wants a part of the Congo to join the Rhodesias is to opt for the domination of his territory by the apartheidists of the Rhodesias; because we know in the Rhodesias there is terrible suppression of the black people and only recently we heard that there were riots against one of the Prime Ministers of the Rhodesias, Dr. Whitehead.

Mr. Speaker: Is that relevant to the motion? (*Laughter*).

Enche' K. Karam Singh: And the massacre by Tshombe of about 70 of his opponents. Mr. Speaker, Sir, the people on the Government Bench who talk so loudly and so much, who never miss an opportunity to talk of Tibet and Hungary, what have they done about it? What have they done? They just laugh: that is their sincerity. They say they quoted Hungary and Tibet, but I ask them what did they do about Kenya when their friends, the British, massacred the Kikuyus? What are they doing when one of the greatest leaders in this world, General . . .

Mr. Speaker: I am afraid I have got to interrupt you again. That is not relevant to the motion before the House.

Enche' K. Karam Singh: How was Hungary and Tibet relevant, Sir? I am

just answering that, Sir. I pray that I be allowed to finish that sentence.

Mr. Speaker: No. I said that is not relevant.

Enche' K. Karam Singh: Lastly, Mr. Speaker, Sir, I would say that the valiant stand of Mr. Patrice Lumumba in the face of overwhelming opposition, in the face of overwhelming harassment from the Western camp, has won the admiration of most of the people of this world, and he will remain a hero for all those oppressed people who are struggling to free themselves from the clutches of imperialism.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang panjang, saya hanya berharap dan menarek perhatian Kerajaan dalam usul ini supaya mengambil berat kepada askar² kita yang pergi ka-Congo. Saperti yang sedia maalam perkara² yang tidak di-sangka² harus akan terjadi di-Congo yang akan mengakibatkan askar² kita terkorban. Maka saya berharap jaminan hendaklah di-tentukan kepada anak isteri-nya yang tinggal untuk sara hidup masing². Kerana, kalau mereka² itu tidak dapat jaminan, maka tentu-lah askar² itu khuatir sebab mereka yang pergi itu meninggalkan anak isteri, dan anak² ini mesti-lah satu daripada tanggong jawab Bangsa² Bersatu menyekolahkan-nya dan bagitu juga kepada janda²-nya hendak-lah di-beri jaminan.

Sa-perkara lagi, saya suka sangat menarek perhatian di-atas satu dua perkara yang di-bawa oleh wakil daripada pehak pembangkang yang mengeluarkan ucapan² daripada Ketua U.S.S.R. di-Majlis ini yang berkehendakkan tiap² negeri yang di-ta'alok hendak-lah di-bebaskan. Tetapi sa-balek-nya pula pehak yang menyatakan demikian tidak pula menerangkan kepada Majlis: Apa-kah sa-lama ini bloc kominis telah membebaskan negeri² ta'alok-nya supaya menjadi negeri yang merdeka? Bahkan dalam kurun yang baharu ini kita mengalami pena'alokan, mithal-nya, Tibet satu pena'alokan yang baharu di-kurun yang kedua puluh ini.

Saperti yang kita baca dalam surat khabar, askar² daripada pehak barat tidak di-kehendaki. Maka itu-lah sebab-nya Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu, kalau tidak silap saya, mengambil satu keputusan ia-itu meminta pertolongan daripada pehak Afro-Asia untuk mengelakkan pertelingkahan warna kulit di-negeri itu.

Pada akhir-nya, saya mendapat tahu askar² yang di-pileh berkhidmat ka-Congo ada-lah di-beri peluang kepada askar² itu menawarkan diri-nya, maka dalam penawaran ini, angka-nya telah lebeh daripada yang di-tetapkan. Jadi saya rasa tidak-lah ada satu paksaan yang Kerajaan menghantar askar² itu ka-Congo bahkan mereka dengan sukarela memberi khidmat-nya kepada Kerajaan sa-bagai satu daripada tanggung jawab kita di-Pertubohan Bangsa² Bersatu.

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya bagi pehak barisan Socialist Front akan bersetuju dengan chadangan ini jika sakira-nya mereka itu mendapat tahu yang mana-kah Kerajaan yang kita akui atau mengi'tirafkan di-Congo itu. Pada pandangan saya soal ini tidak berbangkit dalam chadangan yang kita bawa ini. Chadangan ini chuma meminta kebenaran dari Parlimen ini untuk menghantarkan tentera² kita ka-Congo untuk menolong United Nations bagi menjaga keselamatan di-sana. Bagi pehak diri kita—kita tak ada salah sama ada hendak menerima Lumumbakah, hendak menerima Kalonji-kah, Mobutu-kah (*Ketawa*) itu pun kita tak peduli, tetapi yang penting sekali ada-kah orang Congo itu terima

Mr. Speaker: Kalau tak tahu nama jangan di-sebutkan! (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Khir Johari: . . . ada-kah orang Congo itu terima atau tidak—Lumumba atau yang lain² (*Ketawa*).

Bagi pehak kita tak ada soal dalam perkara itu. Ini berlaku juga saperti mana dalam barisan Socialist Front yang kadang² kita tak faham, siapa-kah yang ketua-nya. Kadang² kita ingat

Ahli daripada Setapak, kadang² Ahli dari Damansara, Ahli dari Bungsar—kita tak tahu yang mana satu betul, siapa yang jadi ketua-nya (*Ketawa*) jangan katakan Congo, mereka sendiri pun tak betul. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan kita.

There is one more point and I would like to reply to the Honourable Member for Damansara. He, like his friend Mr. Krushchev, attacked Mr. Hammarskjöld on the handling of the Congo affair. When I heard him speaking, it appeared to me that I was listening to a H.M.V. record imported from Moscow, because what he said appeared to be the same thing as was mentioned by Mr. Krushchev in the United Nations.

Sir, as far as we are concerned, we knew that Mr. Hammarskjöld had a difficult task to perform and he did his work selflessly and well purely in the interest of peace not only in the Congo but also in the world at large. For this reason, when he appealed for help for the Congo, our Government answered that call quite spontaneously, because we felt that as a Member of the United Nations we had a duty to perform, not only to speak in the House here but also to send our troops abroad to serve the United Nations and to serve world peace (*Applause*).

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab hujah² dari satengah Ahli² Yang Berhormat yang telah mengeluarkan fikiran-nya, saya suka menjawab-nya terutama sekali berkenaan dengan sikap kita di-Congo itu. Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi ia-itu tujuan kita pergi ka-sana ia-lah hendak menjaga keselamatan, bukan hendak mengganggu atau hendak masuk champor dengan mana² pehak sekali pun—semua-nya itu telah di-beri keterangan. Jadi bagi pehak kita ada-lah memberi sokongan kepada Republic of Congo apabila negeri itu mencapai kemerdekaan-nya. Sokongan itu di-bachakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak ia-itu kita menguchapkan setinggi² tahniah kepada-nya yang telah mencapai kemerdekaan itu, tetapi belum lagi habis seronok orang ramai menyambut hari kemerdekaan itu maka sudah pula

berbangkit hal² kejadian yang berlaku di-sana. Dan Mr. Lumumba sendiri telah menjemput United Nations untuk memberi pertolongan kepada-nya—United Nations pula jemput kita supaya masuk gulungan menjaga keselamatan negeri itu.

Apabila kita telah memberi jawapan hendak menolong kepada-nya, maka berbangkit-lah hal² yang tak di-ingini berlaku ia-itu satu buang satu dan yang lain buang yang lain dan macham² lagi perkara yang berbangkit. Ini dalam masa sa-sudah kita terima daripada pusat yang berkehendakkan askar dan dengan kerana berbangkit itu-lah maka kita memanggil persidangan Parlimen sa-ba-gai-mana yang kita hadapi pada hari ini.

Pada masa sekarang ini ada dua puak yang sudah pun pergi di-United Nations. Satu puak daripada Mr. Kasavubu dan satu puak lagi daripada Mr. Lumumba. Jadi yang mana satu pehak yang hendak di-pakai. Sa-hingga pada masa ini United Nations belum lagi dapat menentukan dan oleh kerana itu United Nations telah melantek satu committee yang dinamakan "Credentials Committee" dan Credentials Committee ini akan menimbang dengan sa-adil²-nya siapa-kah yang sa-benar-nya yang mewakili Kerajaan Congo. Menurut Perlembagaan atau pun yang disebutkan di-sini:

"Fundamental law concerning the structure of the Congo.

Article 22—The Chief of State designate may revoke the appointment of the Prime Minister and the Ministers.

Article 20—No act of the Chief of State can have effect if not countersigned by the Minister who by this single act becomes responsible for it."

Jadi pada masa President Kasavubu memecat Lumumba dia dapat satu Menteri—Minister of External Affairs yang menyaksikan pemecatan itu. Menurut peratoran atau pun undang² "Concerning the structure of the Congo" ia-itu saperti Perlembagaan Congo bahawa pemecatan Lumumba itu pun sah. Dan yang berbangkit kachau sedikit itu, Lumumba pula pechat President Kasavubu—pemecatan itu pun di-kira-nya sah juga,

Lumumba mendapat sokongan dalam Parlimen. Jadi sebab itu-lah Colonel M masuk (*Ketawa*). Colonel M—baik saya tak usahkan ulangkan sebut nama-nya lagi—k a c h a u s a h a j a ! (*Ketawa*). Itu-lah sebab-nya perkara ini berpanjang²an sa-hingga sekarang ini.

Maka patut juga Credentials Committee United Nations menimbang perkara itu dan kita hanya-lah menunggu sahaja pertimbangan itu. Tanggungan kita pada masa sekarang ini ia-itu kita akui the Republic of Congo dan dengan akui the Republic of Congo itu kita akan hantarkan askar² kita untuk menjaga keselamatan negeri itu supaya aman. Semuga dengan itu dapat di-selesaikan dan dapat di-tentukan mana-kah pehak yang berkuasa Congo itu yang sa-benar-nya. Dalam perkara itu kita tidak mengambil apa² champor tangan pun di-atas hal² Congo, dan dalam General Assembly telah pun bersetuju menyokong Security Council. Ketetapan-nya berbunyi: Saya fikir lebih baik saya bachakan dalam bahasa Inggeris, tetapi saya akan menerangkan kepada tuan² sekalian kalau tak faham berhubung dengan perkara ini. Saya akan memberi sebab² yang terang, apa-kah sebab-nya kita hantarkan troops kita ka-Congo itu.

Resolution of Security Council yang telah diambil keputusan-nya pada 14 dan 22 haribulan July, dan 9 haribulan August di-Congo itu berbunyi:

"Request the Secretary-General to continue to take vigorous action in accordance with the terms mentioned in the resolution to assist the Central Government of the Republic of Congo in the restoration of law and order throughout the country and to safeguard the unity, territorial integrity, political integrity and political independence in the interests of world peace and security."

Ini-lah ketetapan yang asal, dan ini menunjukkan yang United Nations itu tidak pergi ka-sana dengan hendak menyebelah mana² pehak. Sa-bagai-mana tuduhan yang kata-nya Mr. Ham-marskjöld masuk sa-belah barat itu tidak-lah benar, kerana ketetapan ini mendapat sokongan daripada semua pehak dari Afro-Asian bloc dan semua negeri² yang lain juga sa-hinggakan Soviet Russia sendiri tidak mengundi.

Keterangan ini menunjukkan yang sebenarnya yang dia tidak menyebelahi mana² pihak, tetapi chuma hendak menjaga keamanan di-Congo supaya dapat di-selesaikan dengan baik pergaduhan yang berlaku itu.

Berkenaan dengan keluarga orang² kita yang pergi itu ada-lah terjamin. Menurut apa yang telah di-tentukan bahawa keluarga orang² yang tinggal di-sini terutama anak isteri-nya akan tinggal di-rumah-nya seperti sekarang juga dan akan mendapat allowance sa-bagai keluarga mereka pada tiap² bulan. Kalau-lah di-takdirkan oleh Allah subhanahu wata'ala mana² yang terkorban, maka anak isteri mereka akan mendapat allowance sa-bagai-mana yang di-tentukan.

In reply to the Honourable Member from Damansara who suggested that I had said that this country is not neutral, what I actually meant was that we would rather side with the democratic bloc, or the Western bloc as he calls it, than with the Russian bloc or the Eastern bloc, because of the simple fact that at least in the Western bloc there is such a thing as democracy, there is such a thing as liberty, which we are happy to enjoy, and there is such a thing as freedom of speech, which is absolutely absent in those countries under the Communist bloc. But by that I do not mean to suggest that we should go all out to support the Western bloc. I thought I had made it understood in the course of my speech this morning that we are not siding with the Western bloc or with any bloc in respect of the affairs of Congo. I even suggested, I think, that it is our prayer that Congo should not be made a pawn in the political game, and it should not be won over by any particular bloc. All that we are interested to see is that Congo should get independence and should enjoy that independence, free from all political influence either by the Western bloc or the Eastern bloc. The United Nations, he suggested, has become the tool of a certain bloc. No doubt, he meant here that the United Nations Command in the Congo has become an instrument of the other bloc, i.e. the Western bloc.

That is not so. As I have read to you just now, the resolution of the General Assembly does suggest that the United Nations is absolutely free, impartial and neutral, and the resolution of the United Nations proves it.

We are not sending our troops, as he suggested, to indulge in political warfare, meaning, no doubt, that when our troops go there they will be used to start a propaganda war against communism. That is not so. Our duty is to be free from all politics; the troops should be free from all politics, and I can assure you that they will not indulge in any form of political warfare. They are there to maintain peace and order and to see that nothing happens to mar or to worsen the situation in the Congo as it is today.

The other thing he suggested is that in my speech this morning I had slandered Mr. Lumumba by saying that he had not been wise in making his speech as he did on the day of independence. I did suggest, no doubt, that it was not wise for him to say what he did, especially at such a time when he was supposed to have the best of goodwill and when he should forget the past and accept the present and accept independence for the Congo, and not to start saying things which, as I said, sparked off the disturbances and which has worsened to the unhappy position we find it today. As a result of that speech—I am firmly convinced—those disturbances had taken place, and, as a result of that speech again, the position has sufficiently worsened for the other nations to go to the Congo and restore peace there.

As far as I can see there is nothing else that we can do at this stage except to wish our troops all the best and pray for their safe return. I have no doubt that, from what I have heard this morning and this afternoon, there is support all round, and although there is some adverse comments, there is also a feeling of pride in this House that our troops have been called upon to perform this duty abroad. The best thing we can do is to show our goodwill, and any of you Honourable Members who are here who wish to go

and give our troops a send off should do so to show to them the confidence which you have in them and to express your good wishes to them on this journey.

Sir, I beg to move. (*Applause*).

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House notes the action of the Government in placing in the service of the United Nations Organisation a contingent of the Federation Armed Forces for use in the Republic of the Congo as set out in Command Paper No. 43 of 1960, and expresses its full support of the action taken.

Adjourned at 6 o'clock p.m.